

# Undi 18 di Malaysia: Pasca Pelaksanaan dan Cabaran Berterusan

*Undi 18 in Malaysia:  
Post-Implementation and the Ongoing Challenges*

*Nuraini binti Roslan\* dan Mohd Zulhelmi bin Syafuddin Tan\*\**

## Abstrak

Kebanyakan negara di dunia telah pun membenarkan rakyat mereka yang berumur 18 tahun mengundi dalam pilihan raya umum negara; namun, terdapat juga negara yang membenarkan rakyat seawal 16 tahun mengundi. Kesediaan pengundi muda merupakan isu yang diketengahkan oleh ramai penyelidik melalui analisis pasca pelaksanaan UNDI18 di Malaysia. Ini berikutan penglibatan pengundi muda yang mempengaruhi keabsahan kerajaan yang baru ditubuhkan. Selain itu, naratif penyelidikan sedia ada memfokuskan pada konteks dari sudut demografi tertentu atau analisis isu topikal secara umum. Objektif penulisan artikel ini adalah untuk menganalisis pelaksanaan 'UNDI18' serta cabaran dan cabaran pasca yang dihadapi oleh pengundi muda di negara ini yang dibentangkan oleh penyelidik terdahulu dan memberikan penemuan baharu dalam aspek yang dibincangkan oleh Parlimen Malaysia. Kajian kualitatif ini mengetengahkan strategi 'penyelidikan desktop' dengan analisis tematik, naratif dan deskriptif. Artikel ini membentangkan tiga sintesis utama tentang 'UNDI18' dan kesahihan kerajaan yang dibentuk melalui tema yang dihasilkan daripada analisis kandungan. Artikel ini juga mendapati bahawa unsur-unsur sosial membentuk kesukaran yang dihadapi oleh pengundi muda di negara ini, dengan faktor luaran yang menerajunya. Sebagai kesimpulan, dasar strategik yang mendidik pengundi muda tentang isu politik dan demokrasi perlu dibangunkan

---

\* Nuraini binti Roslan is presently a Research Officer at the Parliament of Malaysia. Email: nurainir@parlimen.govmy

\*\* Mohd Zulhelmi bin Syafuddin Tan is previously a Research Officer at the Parliament of Malaysia and currently a Special Officer to the Minister of Federal Territories of Malaysia. Email: zulhelmi@jpm.gov.my

dan golongan muda perlu diperkasakan untuk membuat keputusan yang lebih meyakinkan. Artikel ini turut membincangkan kewajipan kerajaan untuk menangani isu pendidikan politik atau pilihan raya untuk golongan muda serta mengenal pasti jabatan atau agensi tertentu yang bertanggungjawab untuk tugas ini.

**Kata kunci:** UNDI18, golongan muda, belia, demokrasi, parlimen, perwakilan, pilihan raya

## **Abstract**

*Most countries in the world have already allowed their 18-year-old citizens to vote in the country's general elections; however, there are also countries that allow citizens as young as 16 to vote. The readiness of young voters is an issue highlighted by many researchers through post-implementation analysis of UNDI18 in Malaysia. This is due to the involvement of young voters which affects the legitimacy of the newly formed government. Additionally, existing research narratives focus on context from a specific demographic point of view or the analysis of topical issues in general. The objective of writing this article is to analyze the implementation of 'UNDI18' as well as the challenges and post-challenges faced by young voters in this country presented by previous researchers and provide new findings in the aspects discussed by the Parliament of Malaysia. This qualitative study highlights the 'desktop research' strategy with thematic, narrative and descriptive analysis. This article presents three main syntheses on 'UNDI18' and the legitimacy of the government formed through the themes generated from the content analysis. The article also discovered that social elements shape the difficulties faced by young voters in this nation, with external factors taking the lead. The article concluded that we need to develop a strategic policy that educates young voters on political and democratic issues, empowering them to make more persuasive decisions. This also entails the government's obligation to address the issue of political education or elections for young people, and to identify specific departments or agencies that are responsible for this task.*

**Keywords:** UNDI18, young people, youth, democracy, parliament, representation, elections

## Pendahuluan

Perkataan “demokrasi” telah wujud sejak tamadun Yunani melalui bahasa asalnya iaitu *demos* (rakyat) dan *kratos* (kuasa) dan kemudiannya ditafsirkan sebagai proses “pemerintahan daripada rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat” oleh beberapa pemerintah terdahulu termasuklah Abraham Lincoln. Model pelaksanaan demokrasi boleh dibahagikan kepada dua iaitu demokrasi langsung (*direct democracy*) dan juga demokrasi tidak langsung (*indirect democracy*).<sup>1</sup> Malaysia mempraktikkan sistem demokrasi berparlimen yang dijalankan secara perwakilan.<sup>2</sup> Sistem ini membentuk satu pemerintahan dengan kuasa penggubalan undang-undang oleh rakyat melalui perwakilan yang dipilih dalam proses pilihan raya. Justeru, proses demokrasi yang dipraktis oleh Malaysia menjurus kepada demokrasi tidak langsung (*indirect democracy*). Malaysia mengamalkan sistem demokrasi perwakilan secara berparlimen dan raja berperlembagaan. Dalam sistem ini, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) mengetuai ketiga-tiga cabang kuasa pemerintahan, iaitu perundangan (legislatif), pentadbiran (eksekutif) dan kehakiman (judisiari).

Sistem demokrasi ialah sebuah fungsi yang penting kerana sistem ini menjaga dan mengutamakan kepentingan rakyat, melaksanakan sebarang perubahan kepada negara tanpa keganasan, memelihara kebebasan dan hak-hak rakyat, menukar pemimpin, menegakkan prinsip keadilan serta menyelesaikan konflik atau perselisihan melalui perbahasan, pujukan dan kompromi.<sup>3</sup> Melalui perubahan pembangunan sosial dan politik serta inisiatif ke arah pendemokrasian dan pilihan raya yang matang, keadilan dan kesaksamaan hendaklah diberikan tumpuan sejajar dengan perubahan zaman. Kemajuan teknologi serta perubahan demografi juga turut menyumbang kepada cabaran proses pendemokrasian konvensional, terutamanya apabila melibatkan perihal orang muda.<sup>4</sup> Orang muda atau belia masa kini perlu disiapkan dengan

1 Abbas, A., & Dompok, T. (2020) ‘Dampak Demokrasi terhadap Kesejahteraan (Studi Kasus di Indonesia)’ *Dialektika Publik*, 5(1), pp. 43–49. [Online]. Available at: <http://ejournal.upbatam.ac.id/index.php/dialektikapublik>.

2 Abdul Aziz Abdul Rahman, Ahmad Sabri Ahmad Zaharuddin Sani, & Nordin Muhamed Nor Azman (2014) *Demokrasi di Malaysia*. Institut Terjemahan & Buku Negara.

3 Ibid.

4 Azmir, M., Nizah, M., Sabri, &, Sharif, M., & Teras, P. (2020) ‘Undi 18: Belia dan Politik Konvensional’ *Jurnal Sains Insani*, 5(1), pp. 180–186. [Online]. Available at: <https://scholar.archive.org/work/kflhsyvntrenxmqf2cgvijkgtm>.

pengetahuan demokrasi yang sewajarnya dalam membantu proses pembentukan negara yang berterusan.

Definisi belia menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah golongan yang berada dalam kelompok usia 15 hingga 24 tahun.<sup>5</sup> Menurut kamus, belia atau anak muda ialah tempoh kehidupan apabila seseorang dalam usia muda, berada antara fasa kanak-kanak dengan dewasa.<sup>6</sup> Pada tahun 1995, Kerajaan Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-Kanak (*United Nations Convention on the Rights of the Child - UNCRC*). Konvensyen ini menegakkan hak sivil, politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan budaya semua kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Melihat kepada *endorsement* prinsip penyertaan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun oleh UNCRC dalam pelbagai hak asasi, oleh yang demikian, mereka yang berada di luar kelompok takrifan kanak-kanak, iaitu umur 18 tahun dan lebih wajar dilihat sebagai cukup dewasa atau belia dan boleh membuat keputusan yang lebih daripada apa yang diperjuangkan oleh UNCRC. Penyertaan kelompok belia dalam proses demokrasi juga membantu golongan muda untuk berkembang secara pragmatik dalam membangunkan tanggungjawab sebagai rakyat dan mendorong mereka untuk bertindak dalam menyokong perihal komuniti mereka.<sup>7</sup> Hal ini jelas menunjukkan bahawa keterlibatan golongan muda wajar diketengahkan dan diberikan peluang untuk mengambil bahagian. Malahan, kerajaan wajar membuka jalan bagi membolehkan aspirasi dan suara mereka diambil kira dan didengari.

Malaysia telah memperkukuh amalan sistem demokrasinya dengan menggalakkan lebih banyak penglibatan lapisan warganegaranya dalam pemilihan pemerintah negara melalui Rang Undang-undang (RUU) Undi 18 atau dikenali sebagai 'UNDI18' yang diluluskan pada 16 Julai 2019. RUU ini membolehkan warganya yang berumur 18 tahun ke atas untuk turut terlibat mengundi dan menjadi calon dalam pilihan raya berbanding had umur sebelum RUU tersebut diluluskan iaitu 21

---

5 Talib@Khalid, K. A., Shiratuddin, N., Hassan, S., Rahman, Z. S. A., & Rahman, N. L. A. (2018) 'Belia dan Sosialisasi: Tingkahlaku Relatif dan Perspektif Terhadap Media Baru' *Jurnal Komunikasi (Malaysia Journal of Communication)*, Jilid 34(3), pp. 208–225. [Online]. Available at: <https://journalarticle.ukm.my/13112/1/21493-87986-1-PB.pdf>.

6 Macmillan English Dictionary for Advance Learners (n.d.) MacMillan Publisher Limited.

7 Queensland Family & Child Commission (n.d.) 'Model of Participation'. [Online]. Available at: <https://scholar.archive.org/work/kflhsyvntrenxmqf2cgvijkgtm>. Accessed 5 January 2023.

tahun ke atas. UNDI18 merangkumi tiga perkara yang diluluskan di Parlimen iaitu yang pertama menurunkan umur warganegara yang layak untuk menjadi ahli Dewan Rakyat kepada 18 tahun melalui pindaan perenggan (b) Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan, kedua perenggan (a) Fasal 1 Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan adalah bagi tujuan menurunkan umur seseorang warganegara yang layak untuk mengundi kepada 18 tahun, serta ketiga pendaftaran warganegara sebagai pengundi secara automatik sejourus mereka mencapai umur 18 tahun. Perbandingan sebelum dan selepas pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi pelaksanaan UNDI18 adalah seperti berikut:

### Jadual 1: Perbandingan Sebelum dan Selepas Pelaksanaan Rang Undang-Undang Undi18 di Malaysia

Perkara yang dipinda	Sebelum RUU Undi 18	Selepas RUU Undi 18
Kelayakan menjadi ahli Dewan Rakyat	Warganegara yang berumur 21 tahun ke atas layak menjadi ahli Dewan Rakyat.	Umur minimum warganegara yang layak untuk menjadi ahli Dewan Rakyat adalah 18 tahun.
Kelayakkan mengundi	Umur minimum warganegara untuk mengundi adalah 21 tahun.	Warganegara yang berumur 18 tahun ke atas layak mengundi.
Pendaftaran pengundi	Warganegara yang berumur 21 tahun hendaklah mendaftar sebagai pengundi dengan Suruhanjaya Pilihan Raya.	Pendaftaran warganegara secara automatik sejourus mereka mencapai umur 18 tahun.

### Isu dan permasalahan

Sebelum pelaksanaan UNDI18 pada 15 Disember 2021, had umur terendah untuk melayakkan seseorang itu menenjalani proses pengundian di Malaysia ialah 21 tahun.<sup>8</sup> Hak mengundi telah menjadi

8 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (n.d.) 'FAQ Pengundi 18 Tahun dan Pelaksanaan Umur Kelayakan Pengundi 18 Tahun dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA)', accessed 10 Ogos 2023. Available at: <https://www.spr.gov.my/ms/pelaksanaan-umur-kelayakan-pengundi-18-tahun-dan-pendaftaran-pemilih-secara-automatik-ppsa>.

isu di Malaysia apabila golongan muda berumur antara 18 hingga 20 tahun tidak dibenarkan mengundi berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang belum dipinda. Pindaan melalui UNDI18 bukan sahaja menurunkan had umur pengundi, tetapi turut mendaftarkan warganegara Malaysia sebagai pemilih secara automatik sebaik sahaja mencapai usia 18 tahun.<sup>9</sup> Pelbagai isu dalam dunia hari ini menuntut penglibatan aktif golongan muda dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah perihal politik negara.<sup>10</sup> Ini termasuklah meletakkan beban tanggungjawab sebagai pengundi dalam pilihan raya, malahan calon wakil rakyat dalam menyuarakan pandangan dan hasrat masyarakat setempat. Penglibatan dalam proses demokrasi merupakan salah satu cara paling kritikal oleh individu kerana boleh mempengaruhi pembuatan keputusan kerajaan melalui perwakilan yang dipilih hasil daripada proses pengundian. Melalui tinjauan kajian lalu juga, kebanyakan negara OECD telah menurunkan had umur sah mengundi kepada 18 tahun seawal empat dekad yang lalu.<sup>11</sup> Kelangsungan dan kematangan sesebuah parti politik juga boleh dilihat berdasarkan keterlibatan rakyat yang membolehkan parti tersebut mendapat mandat dan kemudiannya diterjemahkan untuk menjadi pemerintah. Oleh yang demikian, penglibatan warganegara yang lebih menyeluruh termasuk keterlibatan pengundi muda dapat mempertingkatkan keabsahan parti politik yang menang melalui potensi pertambahan jumlah pengundi.

Walau bagaimanapun, penurunan had umur berkaitan undi dan politik muda di negara ini telah menambah jurang pemahaman mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh generasi muda dalam kajian literatur sedia ada. Ini kerana, pembangunan teknologi sentiasa berkembang cepat dan pesat dengan pelbagai peluang inovasi dan kreativiti juga cabaran daripada aspek sosiopolitik. Data empirikal berkaitan tahap pengetahuan, minat, sikap, sumber informasi dan kesedaran pelajar terhadap proses demokrasi di negara menuntut penyelidikan yang

---

9 Ibid.

10 Mallow Muzaffar Syah (2021) 'Undi 18: Give Our Youths the Opportunity To Vote', *Malaysia Gazette*, March 17. Available at: <https://malaysiagazette.com/2021/03/17/undi-18-give-our-youths-opportunity-vote/>.

11 Takao, Y. (2019) 'Japan's agenda setting to lower the voting age from 20 to 18: Prioritizing constitutional revision over democratic legitimacy' *Pacific Affairs*, 92(3), pp. 419–442. [Online]. Available at: <https://doi.org/10.5509/2019923419>.

berterusan bagi penambahbaikan dari semasa ke semasa.<sup>12</sup> Tahap pengetahuan yang cetek berkaitan politik, kenegaraan dan demokrasi di kalangan belia turut menjadi permasalahan dalam kajian.<sup>13</sup>

Justeru, kajian lanjut terhadap pasca-pelaksanaan dan cabaran UNDI18 wajar dilaksanakan untuk menambah ruang lingkup penumpuan literatur sedia ada, di samping mengetengahkan perkara-perkara yang perlu dicakna oleh semua pihak yang berkepentingan terutamanya aspek cabaran bagi membantu pelbagai pihak dalam memastikan pengundi akan datang mampu membuat keputusan besar dalam hidup mereka berkaitan aspek pemerintahan negara dengan lebih tepat dan meyakinkan.

### Skop kajian dan batasan kajian

Penulisan kajian ini memfokuskan situasi pengundi dalam negara berdasarkan penulisan kajian terdahulu. Sungguhpun pelaksanaan UNDI18 melibatkan tiga pindaan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu kelayakan umur menjadi ahli Dewan Rakyat, kelayakan umur mengundi dan pendaftaran pengundi secara automatik, penulisan kajian ini hanya akan bertumpu kepada pindaan yang berkaitan dengan had umur minimum warganegara untuk melaksanakan tanggungjawab mengundi yang diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Kajian ini juga bersifat *cross-sectional*<sup>14</sup> dengan membawakan sorotan literatur bermula daripada inisiatif UNDI18 iaitu tahun 2019 sehinggalah pasca pelaksanaan pada tahun semasa iaitu 2023. Metodologi penyelidikan secara '*desktop*' adalah lebih menjimatkan walau bagaimanapun penyelidikan ini bergantung kepada sumber sedia ada. Metodologi ini akan dijelaskan dalam sub-tema '*metodologi*' dalam kajian ini.

12 Azmir, M., Nizah, M., Sabri, &, Sharif, M., & Teras, P. (2020) 'Undi 18: Belia dan Politik Konvensional' *Jurnal Sains Insani*, 5(1), pp. 180–186. Available at: <https://scholar.archive.org/work/kflhsyvntrenxm2cgvjikgtm>.

13 Wan Abdul Ghapar Wan Rohila Ganti, Che Mohd. Razali Che Hamdan, Ahmad Muhammad Fazil, & Abdul Latip Abdul Rahman (2021) 'Pembentukan Modul Undi18@School untuk Pendidikan Kenegaraan dan Demokrasi kepada Belia 18-21 Tahun' *I-Spike 2021 International Exhibition & Symposium E-Proceedings*, pp. 28–32. Available at: <https://ispike2021.uitm.edu.my/>.

14 Nota: Kaedah yang digunakan adalah *comparative cross-sectional*, iaitu perbandingan antara maklumat yang sama tetapi pada titik masa yang berbeza. Pemilihan kaedah ini adalah disebabkan keupayaannya untuk membongkar pelbagai hasil akhir secara serentak (*expose multiple outcomes simultaneously*).

## Objektif kajian

Kajian ini menyasarkan dua objektif yang dilihat sangat penting untuk dibincangkan berkaitan UNDI18 oleh kerajaan Malaysia. Pertama, artikel ini cuba untuk mengenal pasti kepentingan dan kerelevanan pelaksanaan UNDI18. Kedua, penyelidikan ini akan membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dan masih dihadapi (*ongoing challenges*) dalam pasca pelaksanaan UNDI18.

## Metodologi kajian

Terdapat beberapa pendekatan digunakan dalam penulisan kajian ini untuk menyokong dapatan mengenai isu yang diketengahkan, dapatan-dapatan serta analisis terhadapnya. Penyelidikan kualitatif ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman kita tentang proses sosial, fenomena dan aktiviti. Kajian kualitatif ini akan memberi tumpuan kepada makna dan pemahaman dan bukannya penjelasan penemuan melalui pengukuran digit daripada aspek kuantiti sahaja.<sup>15</sup> Mengikut Denzin dan Lincoln (1998), metodologi penyelidikan kualitatif boleh dilihat daripada sudut penyelidik merupakan '*jack-of-all-trades*' yang akan mencuba apa-apa sahaja dan menghasilkan konstruk yang muncul, mencantumkannya yang boleh menyediakan jawapan kepada masalah tertentu.

Penggunaan kaedah kajian kualitatif turut digunakan dalam *European Parliament*. Kaedah ini telah membantu meningkatkan pemahaman tentang cara institusi ini berfungsi dan proses serta interaksi yang berlaku di sana untuk menambah literatur semasa. Bidang seperti mekanisme perubahan dan sosialisasi, masih tidak dapat disimpulkan dan kerja lanjut kepada beberapa bidang dan konsep memerlukan penerokaan dan penerangan sebelum analisis statistik selanjutnya boleh dilakukan. *European Parliament* mengguna pakai beberapa kaedah kualitatif termasuklah penyelidikan arkib (*archival research*) dan analisis wacana (*discourse analysis*). Penyelidikan arkib membolehkan pemahaman *European Parliament* berkembang sebagai badan perundangan dan tekanan serta pengaruh yang ditimbulkannya untuk menjadikannya institusi seperti sedia ada serta membantu pemahaman perkara-perkara yang tidak berubah. Perkembangan dalam analisis wacana pula membolehkan ucapan, naratif dan wacana dalam ucapan politik,

---


15 N Denzin, & Y Lincoln. (1998). *Entering The Field of Qualitative Research*. Sage.



kesusasteraan dan media, membantu dalam pemahaman cara pengaturan institusi sarat dengan andaian, bermula daripada andaian bahawa semua objek dan tindakan adalah bermakna. Projek-projek penyelidikan ini bermula dari tempat yang berbeza bergantung kepada definisi pengkaji tentang wacana dan pendekatan epistemologi yang digunakan seperti positivis, kritis, pasca-strukturalis dan sebagainya.<sup>16</sup>

Seterusnya, strategi penulisan metodologi secara terperinci mengenai '*desktop research*' dalam penghasilan penulisan jurnal khususnya adalah masih kurang. Justeru, penulisan kajian ini akan mengetengahkan strategi metodologi penyelidikan yang telah digunakan oleh para pengkaji terdahulu seperti berikut:

**Rajah 1: Strategi pelaksanaan metodologi penyelidikan secara *desktop research*. (Sumber: Dr. Ladislava Knihora)**



16 Sussex European Institute (n.d.) 'Qualitative Methods'. University of Sussex. Retrieved May 14, 2023, from <http://www.sussex.ac.uk/sei/research/european-parliament-qualitative-research-network/qualitativemethods>.

Dalam metodologi kajian ini, pengkaji mengguna pakai strategi daripada Dr. Ladislava Knihora (2014).<sup>17</sup> Pengkaji memperuntukkan usaha untuk mendapatkan sumber-sumber penulisan berkaitan UNDI18. Sumber-sumber diperoleh daripada penulisan jurnal terdahulu, penulisan ilmiah, keratan akhbar, sumber berita dalam talian, dan laman sesawang. Sumber-sumber ini membolehkan pengkaji membaca keseluruhan tema besar berkaitan UNDI18 sebelum menentukan perincian skop penulisan, permasalahan kajian, jurang kajian sedia ada serta objektif kajian. Setelah menentukan objektif kajian yang ingin diketengahkan, pengkaji mensistesis data-data sedia ada, menganalisis mengikut objektif, meringkaskan dapatan tersebut bagi tujuan penterjemahan data. Dapatan kajian ini diinterpretasi secara naratif dan deskriptif dan analisis secara tematik dibangunkan bagi membantu pembaca untuk memahami dapatan konstruk-konstruk kajian. Bagi sumber penulisan jurnal terdahulu, carian kajian difokuskan kepada 'Undi18, Undi 18 atau Undi+18' untuk menjana artikel. Pengkaji turut mendapatkan pandangan 'peer review' bagi analisis tematik yang dibangunkan untuk mengelakkan 'bias' dalam kecenderungan untuk membangunkan analisis tersebut.

## Sorotan literatur

### ***Pemiliharaan demokrasi***

Dalam pilihan raya demokrasi, warganegara yang layak akan diberikan hak mengundi apabila mereka telah mencapai had umur untuk mengundi.<sup>18</sup> Hak bagi membolehkan seseorang itu mengundi dalam pilihan raya ialah perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan dan agensi yang mengendalikan proses pilihan raya dalam sebuah negara yang melaksanakan demokrasi berperwakilan seperti yang dijamin di bawah peruntukan undang-undang negara iaitu Perlembagaan Persekutuan. Sebelum tahun 1970-an, had umur minimum layak mengundi di negara-negara demokrasi ialah 21 tahun ke atas. Setelah itu, inisiatif untuk menurunkan had umur minimum pengundi kepada 18 tahun bermula selepas tahun 1970-an di beberapa buah negara seperti United Kingdom (1969-70), Eropah Barat (1970-an), Amerika Syarikat (1971), Kanada, Jerman (1972), Australia, Perancis

---


17 Knihova Ladislava. (2014). *Research*. <https://www.slideshare.net/kniha/research-42774060>.

18 Mohd Hed Norhafiza, & Grasso Maria T. (2020) 'Age Group Differences in Political Activism In Malaysia' *Journal of Youth Study*, 23(6), pp. 765–779. Available at: <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/13676261.2019.1636948>.

(1974), diikuti India, Pakistan, New Zealand dan semua negara di Amerika Latin, Afrika dan Asia pada 1980-an serta Jepun yang merupakan negara yang terakhir untuk mengambil langkah ini pada Tahun 2016. Dalam kalangan negara-negara ASEAN pula, negara Indonesia dan Timor Leste telah membenarkan warganegaranya yang berumur seawall 17 tahun untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi pilihan raya bagi negara-negara tersebut.<sup>19</sup>

Inisiatif UNDI18 di Malaysia pada asalnya telah bermula pada tahun 2016 oleh golongan belia di bawah naungan *Malaysian Students Global Alliance* iaitu Tharma Pillai dan Qyira Yusri yang bergelar pelajar pada ketika itu untuk mengurangkan umur minimum layak mengundi di Malaysia daripada 21 tahun kepada 18 tahun dengan pindaan terhadap Perkara 119(1)(a) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mengatur umur minimum layak untuk mengundi di Malaysia. Ringkasan usaha-usaha bagi merealisasikan UNDI18 adalah seperti rajah berikut:

**Gambar 1: Perjalanan pelaksanaan UNDI18. (Sumber: Laman web UNDI18)<sup>20</sup>**



19 Wan Omar Wan Ahmad (2018) 'Umur 18 Tahun Wajar Dapat Hak Mengundi' *Berita Harian Online*, July 9. Available at: <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/07/446925/umur-18-tahun-wajar-dapat-hak-mengundi>.

20 Undi18 (n.d.) Available at: <https://undi18.org/>.

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 bagi had umur minimum layak mengundi yang baharu serta peruntukan berkaitan pendaftaran pemilih automatik untuk semua warganegara Malaysia dan pindaan kepada umur minimum pencalonan untuk bertanding dalam pilihan raya telah di bawa untuk perbahasan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri di Malaysia. Pada 16 Julai 2019, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 telah diluluskan sebulat suara oleh semua ahli Dewan Rakyat yang hadir dan merupakan rang undang-undang pertama dalam sejarah Malaysia yang mendapat sokongan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pada 4 September 2018, Rang Undang-undang UNDI18 telah mendapat perkenan oleh Yang Di-Pertuan Agong dan kemudiannya diwartakan pada pada 10 September 2019.

Pelaksanaan UNDI18 oleh Kerajaan Malaysia mempunyai justifikasi yang jelas, terutamanya daripada sudut kematangan pengundi pada usia yang sering dikatakan sebagai 'terlalu muda'.<sup>21,22,23</sup> Walau bagaimanapun, pewartaan Rang Undang-Undang ini tidak berjaya menamatkan stigma bahawa umur 18 tahun adalah masih terlalu muda untuk mengundi. Stigma ini secara tidak langsung menyebabkan pengundi muda, walaupun telah terdaftar secara automatik, merasa tidak bersemangat untuk membuang undi dalam Pilihan Raya Negeri Johor ke-15, pada 12 Mac 2022<sup>24</sup> yang merupakan pilihan raya pertama di negara ini seusai termaktubnya Rang Undang-Undang UNDI18. Hasilnya, hanya

- 
- 21 Sah Allam, S. N., Hassan, M. S., Jamri, M. H., Abdul Rani, N. S., Ab Hadi, S. N. I., & Meerangani, K. A. (2022) 'New Young Voters' Decision to Vote: Impact of Access, Analysis and Evaluate, Create and Act' *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4). Available at: <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i4/13080>.
  - 22 Weiss, Meredith L. (2022) 'Can Youth Save Malaysia's Democracy?' *S. Rajaratnam School of International Studies*. Available at: <https://www.jstor.org/stable/resrep40186>.
  - 23 Haiqal Moshidi, M., Syifaa, N., Fasihah, ', Latif, A., Chai, &, & Yi, S. (2021) 'Youth Perceptions Towards Readiness Of Youth In Kuching, Malaysia: Are They Ready To Vote?' *E-Proceeding 8th International Conference On Public Policy And Social Science (ICoPS) 2021*, pp. 569–574. Available at: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/55224/1/55224.pdf>.
  - 24 Mahzan, S., Nurr Sadikan, S. F., Osman, S., Md Shah, M. A. M., Jaafar, M. R., Abdul Latip, M. S., Zubir, A. M., & Shafie, S. (2023) 'UNDI18: Analisa Keperluan Literasi Politik Pengundi Muda Melayu Johor di Institusi Pengajian Tinggi Awam Pasca PRN Johor Ke-15' *Insight Journal*, 10(2), pp. 185–198. Available at: <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/insightjournal/article/view/23121/13286>.

5% sahaja pengundi berumur seawal umur 18 yang telah turun untuk melaksanakan tanggungjawab mengundi.<sup>25</sup>

### ***Hak-hak asasi manusia***

Di Malaysia, hak-hak asasi manusia telah disenaraikan dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan 1957 yang memperuntukkan perkara-perkara seperti berikut:

- Perkara 5 : Kebebasan individu.
- Perkara 6 : Larangan keabdian dan kerja paksa.
- Perkara 7 : Perlindungan terhadap undang-undang jenayah retrospektif dan perbicaraan berulang.
- Perkara 8 : Kesamarataan.
- Perkara 9 : Larangan buangan negeri dan kebebasan bergerak.
- Perkara 10 : Kebebasan bercakap, berhimpunan dan berpersatuan.
- Perkara 11 : Kebebasan agama.
- Perkara 12 : Hak-hak berkenaan dengan pelajaran.
- Perkara 13 : Hak terhadap harta.

Mengikut pemakaian seksyen (4) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), hak asasi manusia yang tidak disebut dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan tetapi termaktub dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948 harus dirujuk selagi tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Dalam klausa Perkara 29 perisytiharan tersebut ada menyatakan bahawa batasan yang ditentukan oleh perundangan adalah bagi tujuan menjamin pengiktirafan dan penghormatan yang sepatutnya terhadap hak-hak dan kebebasan serta perkara lain seperti akhlak, kententeraman awam dan kebajikan umum dalam suatu masyarakat yang demokratik.

---

25 Sanusi, R. M. (2022) 'Peratusan keluar mengundi tidak seperti diharapkan' *Sinar Harian*. Available at: <https://www.sinarharian.com.my/article/193828/berita/nasional/peratusan-keluar-mengundi-tidak-seperti-diharapkan>

## ***Penetapan had umur dalam pelaksanaan undang-undang***

Kajian politik konvensional dan keterlibatan belia adalah antara bidang kajian yang semakin menarik perhatian ahli sains politik dan pengkaji polisi sosial kerana belia merupakan kumpulan besar dalam sesebuah masyarakat serta mempengaruhi ukuran demokrasi sesebuah masyarakat atau negara.<sup>26</sup>

Dalam konteks lokaliti, mengikut Seksyen 2 Akta Pembangunan Belia dan Pertubuhan Belia 2007 (Akta 688), belia ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun. Secara tidak langsung, golongan ini telah berada dalam penglibatan sosial serta membuat keputusan dalam beberapa sudut kehidupan seperti pertimbangan untuk memilih dan memasuki alam pekerjaan, membayar cukai kepada negara serta pemilihan calon pasangan hidup serta keputusan untuk mendirikan rumah tangga.

Di Malaysia, terdapat agensi atau majikan yang menawarkan peluang pekerjaan yang meletakkan syarat permohonan pengajian akademik serendah Penilaian Menengah Rendah (PMR). Antaranya agensi yang menawarkan peluang sedemikian adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang melatakan syarat permohonan sekurang-kurangnya mempunyai sijil PMR bagi permohonan Jawatan Kumpulan Pelaksana. Kebiasaan umur bagi pemegang sijil PMR ialah 15 tahun iaitu ketika tamat Tingkatan Tiga. Walau bagaimanapun, selaras dengan pemegang sijil akademik yang semakin kompetitif pada masa kini, rata-rata agensi atau majikan meletakkan syarat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM) untuk pengambilan sebagai pekerja, iaitu kira-kira pada umur 17 tahun atau tamat Tingkatan Lima. Secara ringkasnya, warganegara yang tidak memilih untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi boleh membuat keputusan dalam hidup mereka untuk terus melangkah ke dalam alam pekerjaan seawal umur 15 tahun.

Di dalam perundangan lain seperti Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan)(Pindaan) 2019 (Akta A1586), kanak-kanak di negara ini ditafsirkan sebagai orang yang berumur 15 tahun ke bawah. Manakala orang muda pula didefinisikan sebagai mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. Seksyen 2(2A) dalam akta yang sama ini juga telah menyatakan bahawa had umur minimum yang membolehkan seseorang bekerja ialah

---

26 Azmir, M., Nizah, M., Sabri, &, Sharif, M., & Teras, P. (2020) 'Undi 18: Belia dan Politik Konvensional' *Jurnal Sains Insani*, 5(1), pp. 180–186. Available at: <https://scholar.archive.org/work/kflhsyvtrenxmqf2cgvijkgtm>.

13 tahun dengan syarat hanya pekerjaan ringan sahaja dibenarkan ke atas golongan tersebut. Dalam konteks perundangan ini pula, dapat dirumuskan bahawa had umur untuk membuat Keputusan mengenai pekerjaan di negara ini ialah seawal umur 13 tahun ataupun Tingkatan Satu sekolah menengah.

Dari sudut pelaksanaan tanggungjawab pembayaran cukai di Malaysia pula, mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 seseorang individu yang mempunyai jumlah pendapatan melebihi nilai ambang yang ditetapkan oleh kerajaan boleh dikenakan cukai dan perlu mendaftar fail cukai pendapatan mereka bagi urusan rekod dan pengauditan. Skop pengenaan cukai ke atas seseorang individu pula adalah bergantung kepada taraf mastautinnya. Individu bermastautin boleh dikenakan cukai mengikut kadar cukai yang telah ditetapkan serta layak menuntut potongan cukai menurut Seksyen 45A hingga seksyen 49 akta tersebut. Walaupun Akta ini tidak mengenakan sebarang syarat umur pembayar cukai, tetapi adalah jelas bahawa pelaksanaan tanggungjawab pembayaran cukai turut merangkumi golongan berumur 18 tahun yang telah memenuhi syarat untuk dikenakan tindakan membayar cukai. Oleh yang demikian, pembayar cukai dilihat wajar dibabitkan dalam sebarang bentuk pembuatan keputusan oleh kerajaan memandangkan golongan pembayar cukai turut menyumbang kepada modal atau dana pendapatan negara. Justeru, adalah tidak adil kepada golongan ini untuk tidak diberi hak mengundi hanya kerana berumur 18 tahun dan belum mencapai umur 21 tahun.

Daripada perspektif kebertanggungjawaban dalam pembinaan keluarga, Undang-undang Keluarga Islam di negara ini telah menetapkan bahawa, umur minimum bagi calon lelaki yang ingin berumah tangga adalah 18 tahun manakala calon perempuan pula adalah seawal 16 tahun. Di Malaysia, perkara berkaitan hal ehwal agama Islam adalah berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui perundangan negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan. Sebagai contoh, Seksyen 8 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan perihal had umur untuk berumah tangga yang sama. Bagi warganegara yang bukan Islam pula, Seksyen 10 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 telah menyatakan bahawa had umur perkahwinan minimum yang sah ialah 18 tahun bagi calon lelaki dan wanita. Justeru, dalam konteks pembuatan keputusan dalam hal berumah tangga oleh calon yang faham serta memenuhi syarat, had umur terendah yang dibenarkan adalah serendah 16 tahun. Berbeza dengan pemilihan calon pilihan raya yang berkemungkinan

bertukar setiap lima tahun, pemilihan pasangan hidup dan keputusan yang dibuat adalah implikasi sepanjang hidup jika tidak diuji dengan faktor-faktor lain seperti konflik penceraian atau kematian.

Dari sudut perundangan yang melibatkan proses perbincangan pula, warganegara yang berumur 18 tahun dianggap sebagai dewasa dan dibicarakan di mahkamah serta jika disabitkan dengan kesalahan, warganegara tersebut akan menerima hukuman sebagai rakyat dewasa yang bertanggungjawab atas kesalahannya. Bagi pesalah kanak-kanak pula, dalam hal berkaitan prosiding jenayah sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun manakala berhubung dengan prosiding jenayah, had umur minimum bagi '*criminal responsibility*' adalah sepuluh tahun seperti yang telah ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksan. Jika seseorang warganegara boleh dibicarakan seawal umur 10 tahun, justeru, adalah wajar umur 18 tahun dilihat lebih sebagai lebih matang dalam berfikir dan membuat keputusan.

### ***Utility (Nilai)***

Selain daripada perbincangan demokrasi melalui kematangan umur, hak asasi dan kebebasan dalam mendukung pelaksanaan UNDI18, perspektif dari segi utiliti atau nilai juga wajar diambil kira. Warganegara berumur antara 18 hingga 21 tahun tidak wajar dipinggirkan manakala hasrat dan suara mereka juga wajar digunakan dalam memperkembangkan lagi pembangunan sistem demokrasi negara. Perspektif utiliti mengukur kebaikan masyarakat melalui keterlibatan dalam jumlah pengundi yang merupakan jalan kepada penentuan destini sesebuah negara.<sup>27</sup> Setiap jumlah pengundi adalah bernilai dalam menentukan perwakilan yang diangkat sebagai suara mereka dalam pembangunan demokrasi negara. Justeru, golongan ini tidak wajar dipinggirkan dalam proses pilihan raya serta berhak untuk dilibatkan dalam proses memutuskan perwakilan, sebagaimana hak mereka dalam sudut kehidupan lain dijamin oleh dasar kerajaan dan perundangan negara.

### ***Persediaan teknologi***

Sebagai persediaan untuk melibatkan mereka yang berumur 18 tahun dalam Pilihan Raya Umum ke-15, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

---

27 Sloam, J., & Henn, M. (2019) Rejuvenating Politics: Young Political Participation in a Changing World. In Palgrave Studies in Young People and Politics. Springer Nature. Available at: [https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-97469-9\\_2](https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-97469-9_2).



(SPR) telah mengambil inisiatif dengan memohon agar 5.8 juta bakal pemilih berusia 18 tahun dan ke atas untuk menyemak dan mengesahkan maklumat mereka kepada agensi tersebut melalui semakan Pra-Pendaftaran Pemilih Automatik (SPPA). Warganegara yang berkelayakan juga boleh hadir ke 604 cawangan SPPA di seluruh negara dan mengimbas kod QR Bahagian Pilihan Raya Parlimen yang disediakan oleh agensi terbabit bagi tujuan semakan butiran diri. Pendaftaran automatik yang dilaksanakan oleh SPR adalah mengikut alamat seperti yang tertera pada kad pengenalan individu yang memberi implikasi kepada tempat membuang undi serta penentuan perwakilan di tempat tersebut.<sup>28</sup>

Negara pada katika itu bukan sahaja bersedia dalam aspek teknologi pendaftaran secara automatik, tetapi juga penyaluran kefahaman mengenai fungsi Parlimen dengan pewujudan inisiatif Parlimen Digital oleh Gerakan UNDI18 seperti yang terdapat di platform laman rasmi Gerakan tersebut yang memperlihatkan proses pendemokrasian dalam era digital.<sup>29</sup> Parlimen Digital merupakan sebuah platform simulasi Parlimen Belia secara maya yang pertama di Malaysia untuk kegunaan golongan muda dalam meneroka kefahaman, fungsi dan implikasi proses demokrasi berparlimen.

### **Persekitaran**

Golongan muda adalah sangat sensitif kepada perubahan yang berlaku di persekitaran mereka dan sangat kritikal kepada dasar-dasar kerajaan yang tidak memberikan keuntungan kepada mereka. Golongan ini mampu menterjemah protes mereka terhadap kegagalan kerajaan dalam melaksanakan dasar, program yang bermanfaat dan memberi keuntungan kepada belia dalam bentuk pembuangan undi semasa pilihan raya. Oleh itu, usaha mendekati belia oleh kerajaan dalam perihwal proses demokrasi perlu dilakukan secara konsisten dan bukan hanya menjadi rutin apabila tibanya musim pilihan raya.<sup>30</sup>

28 Suzalina, H. (2021, September 29). Pendaftaran Automatik, 5.8 Juta Individu Diminta Semak. *Berita Harian Online*. Available at: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870237/pendaftaran-automatik-58-juta-individu-diminta-semak>.

29 Alami, A. N., Luong, D. N. A., Prihatini, E., Ramadhani, E., Go, J. R. R., Hafidzah, N., & Atiyah, U. (2022). Democratization in the Digital Era: Experience from Southeast Asia. *Journal of ASEAN Studies*, 10(2), pp. 227–246. [Online] Available at: <https://doi.org/10.21512/jas.v10i2.9361>.

30 Dollah, R., Sakke, N., Wan Hassan, W. S., Omar, M. A., & Jafar, A. (2018). Peranan Belia Dan Pru-14 Di Sabah: Kajian Kes Di P.188 Silam. *Jurnal Kinabalu*, p. 319. [Online] Available at: <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.1654>.

Dalam kajian oleh Mohamad Razali & Ilham Hussin (2021)<sup>31</sup> mendapati bahawa pengundi berumur 18 hingga 40 tahun menggunakan akhbar dalam talian untuk memperoleh berita dan maklumat politik dan mendapati bahawa hubungan yang signifikan antara penggunaan media baharu dan kawasan tempat tinggal mereka. Kajian ini membincangkan kesan penggunaan media baharu terhadap penyertaan politik, iaitu penglibatan belia terhadap aktiviti politik melalui medium baharu.<sup>32</sup>

Selain itu, sistem pendidikan negara adalah yang terbaik dan perkara ini telah mempengaruhi cara pelajar berfikir secara kritis dan mempunyai hala tuju yang kuat. Oleh itu, pendedahan awal mengenai proses demokrasi negara melalui sistem pendidikan dapat memberikan manfaat kepada golongan berusia 18 tahun dalam memberikan pendapat dan membuat pilihan yang betul.<sup>33</sup>

### ***Ke arah pelaksanaan UNDI18***

UNDI18 pada asalnya dicadangkan untuk dilaksanakan pada bulan Julai 2021 sebelum kemudiannya dicadangkan untuk dilaksanakan pada September 2022 meskipun Rang Undang-undang UNDI18 telah diluluskan. Penangguhan pelaksanaan UNDI18 pada Julai 2021 tersebut telah membawa kepada permohonan semakan kehakiman yang telah difailkan oleh sekumpulan belia di dua buah lokasi dan yurisdiksi yang berasingan iaitu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Kuching. Semakan di mahkamah Kuching oleh pemohon-pemohon yang kesemuanya berumur dari 18 hingga 19 tahun, telah meminta pengisytiharan bahawa kelewatan menurunkan umur mengundi adalah tidak rasional dan tidak munasabah dan bahawa belia berumur 18 hingga 20 mempunyai hak untuk mengundi dalam pilihan raya yang akan diadakan dalam masa terdekat pada tahun tersebut. Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuching pada 3 September 2021 kemudiannya telah mendapati bahawa kelewatan dalam pelaksanaan pindaan perlembagaan adalah sebagai “tidak rasional dan

---

31 Mohamad Razali, M., & Ilham Hussin, N. (2021). New media and political activities among Malay youth in Selangor. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(1), pp. 45–54. [Online] Available at: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.1.5.2021>.

32 Ibid.

33 Othman, I. W., Ibrahim, M. A., & Esa, M. S. (2022). Democratization And Mature Elections: A Study Of Youth Political Participation In Voters 18 And Automatic Voter Registration. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(29), pp. 600–622. [Online] Available at: <https://doi.org/10.35631/ijlgc.729041>.

tidak munasabah” dan selanjutnya mengeluarkan perintah *mandamus* iaitu sebuah perintah oleh Mahkamah Tinggi yang menyuruh seseorang atau agensi menjalankan tugas untuk orang awam. Dalam hal ini, agensi tersebut merujuk Suruhanjaya Pilihan Raya.<sup>34</sup> Susulan itu, Kerajaan selanjutnya melaksanakan pindaan perlembagaan untuk menurunkan had umur minimum mengundi dan bertanding untuk pilihan raya ke Dewan Rakyat serta melaksanakan pendaftaran pemilih automatik pada 15 Disember 2021. Tindakan kerajaan dalam menyahut perintah mahkamah tersebut jelas menunjukkan keluruhan undang-undang yang terjunjung.

Bagi perkembangan di setiap negeri dalam negara pula, negeri terawal yang meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri untuk menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun ialah Negeri Sabah iaitu pada 21 November 2019 manakala negeri terakhir yang meluluskan pindaan undang-undangnya bagi pelaksanaan Undi 18 ialah Negeri Johor. Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor pada 6 Januari 2022 telah sebulat suara meluluskan pindaan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 (Pindaan) 2021 bagi menurunkan kelayakan had usia calon bertanding pilihan raya, daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

### ***Cabaran pengundi muda Undi 18***

Semakan dan penelitian terhadap literatur dengan carian kunci berkaitan “Undi 18”, “Undi18” ataupun “Undi+18” turut membincangkan bukan sahaja pelaksanaan Undi 18, malahan cabaran-cabaran yang wajar diketengahkan bagi menambah baik medium pelaksanaan Undi 18. Setelah tapisan literatur dilaksanakan terhadap kajian-kajian terdahulu (Azmir et al., 2020; Cheng & Welsh, 2021; Haiqal Moshidi et al., 2021; Ismayuddin & Awang Besar, 2022; Kaur & Puyok, 2021; Mohd Nizah & Abu Bakar, 2022; Saahar @ Saabar et al., 2022; Wan Abdul Ghapar Wan Rohila Ganti et al., 2021; M. L. Weiss, 2022; Zhang & Hutchinson, 2022), pengkaji mendapati beberapa cabaran yang boleh diketengahkan secara tematik dan akan dibincangkan dalam dapatan dan perbincangan. Sungguhpun literatur-literatur ini tidak secara spesifik menyebut cabaran-cabaran oleh pengundi muda dalam UNDI18, keseluruhan

---

34 Ling, S. (2021, September 3). Undi18: Kuching High Court Orders Federal Govt To Implement Lowering of Voting Age By Dec 31. *The Star Online*. Available at: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/09/03/undi18-federal-govt-ordered-to-implement-lowering-of-voting-age-by-dec-31>.

kandungan literatur perlu ditekuni bagi membolehkan pengkaji memahami sudut cabaran dalam naratif dan deskriptif penulisan yang disampaikan.

### ***UNDI18: Peluang golongan muda mengundi tapi bukan diundi***

Bagi memperkasa golongan belia terutamanya seawal umur 18 tahun dalam penglibatan demokrasi negara, penyertaan politik golongan muda tidak harus terhad pada impak pengundian dalam pilihan raya sahaja, malah sepatutnya digalakkan untuk terlibat secara langsung dalam kegiatan politik, seperti menyertai organisasi politik, bahkan bertanding dalam pilihan raya. Pemerksaan penglibatan golongan ini dalam proses pembangunan demokrasi negara selain membuang undi akan memperkukuhkan pengalaman dan pemahaman mereka tentang perjalanan keseluruhan proses demokrasi, sekaligus melahirkan pemimpin muda yang berpotensi serta mampan.


Inisiatif UNDI18 setakat ini masih merupakan satu perjuangan yang muda dalam carta perjalanan politik golongan muda yang masih panjang. Pengukuran impak inisiatif UNDI18 sewajarnya tidak hanya diukur dalam penyertaan membuang undi dalam pilihan raya, tetapi juga penglibatan golongan tersebut sebagai perwakilan dalam Ahli Dewan Rakyat. Daripada sudut yang lain pula, pelaksanaan UNDI18 mempunyai paradoks dalam hal penglibatan golongan muda dalam politik. Umum menyedari bahawa penyertaan dalam politik memerlukan kos mahal seperti logistik ketika berkempen dari satu tempat ke satu tempat dan rata-rata golongan muda tidak mempunyai keupayaan kewangan yang besar bagi melaksanakan perkara tersebut. UNDI18 juga telah menjadikan kos pentadbiran yang perlu ditanggung berkaitan aktiviti politik meningkat kerana pertambahan jumlah pengundi di sesuatu kawasan melalui inisiatif pendaftaran pengundi secara automatik dan penurunan kelayakan umur mengundi.<sup>35,36</sup>

---

35 Chai, J. (2022). The Paradox of Malaysia's Lowering of Voting Age-Expanded Enfranchisement Devalued by More Unequal Representation (Issue 63). <https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2022-63-the-paradox-of-malysias-lowering-of-voting-age-expanded-enfranchisement-devalued-by-more-unequal-representation-by-james-chai/>

36 Weiss, Meredith L (2022). RSIS Commentary. "Undi18: Youth Vote Only Part of Story." S. Rajaratnam School of International Studies, NTU Singapore.

Rajah 2: Kerangka Konsep Pelaksanaan UNDI18 oleh Pengkaji



## Dapatan kajian dan perbincangan

Selaras dengan pelaksanaan menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun oleh kerajaan Malaysia, hanya negara Singapura yang didapati masih mengekalkan had umur mengundi atas 18 tahun iaitu 21 tahun bagi kalangan negara-negara ASEAN sehingga tahun 2023. Walau bagaimanapun, dalam kalangan negara-negara ASEAN, Indonesia didapati melaksanakan had umur mengundi seawal 17 tahun.

### Jadual 2: Had umur minimum mengundi serta punca kuasa had umur mengundi bagi negara-negara ASEAN

Bil	Negara ASEAN	Had umur minimum mengundi	Punca kuasa had umur mengundi
1	Indonesia	17 Tahun	<i>1945 Constitution of the Republic of Indonesia.</i>
2	Malaysia	18 Tahun	Perkara 119, Perlembagaan Malaysia 1957
3	Filipina	18 Tahun	Perkara 5, <i>The 1987 Constitution of the Republic of the Philippines</i>
4	Singapura	21 Tahun	<i>The Constitution of Republic of Singapore</i>
5	Thailand	18 Tahun	<i>The Constitution of the Kingdom of Thailand, Buddhist Era 2550 (2007)</i>
6	Brunei	18 Tahun	Hanya wakil di peringkat kampung. Brunei ialah sebuah negara beraja mutlak di mana sultan menjalankan kuasa eksekutif. Tiada wakil rakyat di peringkat kebangsaan.
7	Cambodia	18 Tahun	<i>Article 34 (2), Constitution of the Kingdom of Cambodia</i>
8	Laos	18 Tahun	<i>Article 36, Lao People's Democratic Republic 1991 (rev. 2003)</i>

<b>Bil</b>	<b>Negara ASEAN</b>	<b>Had umur minimum mengundi</b>	<b>Punca kuasa had umur mengundi</b>
9	Vietnam	18 Tahun	<i>Article 54, Constitution of the Socialist Republic of Vietnam 1992</i>

Menurut sumber daripada Worldatlas.com pada tahun 2017, umur minimum terendah mengundi ialah di Scotland, Jersey, Guernsey, Ecuador, Cuba, Brazil dan Austria iaitu 16 tahun, manakala umur minimum paling tinggi bagi membolehkan seseorang warganegara untuk melaksanakan tanggungjawab mengundi ialah di negara Arab Saudi iaitu 25 tahun.<sup>37</sup> Kebanyakan negara di dunia meletakkan had umur minimum mengundi kepada sekurang-kurangnya 18 tahun, ini menunjukkan langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia adalah suatau pembangunan sistem demokrasi yang positif dan bukanlah satu langkah yang asing dalam aspek mengembangkan penglibatan warganegaranya dalam pembentukan kerajaan.

Malaysia menduduki tempat teratas dalam kalangan negara di Asia Tenggara dalam laporan demokrasi tahunan terbaru yang dikeluarkan oleh *The Economist Intelligence Unit* (EIU), dengan skor keseluruhan 7.24.<sup>38</sup> Laporan Indeks Demokrasi 2021 oleh Bahagian Penyelidikan dan Analisis *the Economist Group* ini pada tahun 2022 meletakkan Malaysia tertinggi dalam kalangan negara ASEAN iaitu lebih tinggi daripada Indonesia (6.71), Filipina (6.62), Singapura (6.23) dan Thailand (6.04).


Berdasarkan Gambar 2 di bawah, menurut Sinar Harian,<sup>39</sup> sejumlah 6,007,978 orang warganegara berumur 18 hingga 29 tahun merupakan pengundi bagi Pilihan Raya Umum Ke-15 dan merupakan peratusan terbesar pengundi dikenali sebagai golongan pengundi Generasi Z atau 'Gen Z' manakala campuran pengundi daripada kelompok 'Gen Y' dan 'Gen Z' mendominasi keseluruhan jumlah pengundi di negara.

37 Omondi, S. (2017, September 7). Legal Voting Age by Country. Worldatlas.Com. Available at: <https://www.worldatlas.com/articles/legal-voting-age-by-country.html>.

38 Bernama. (2022, February 10). Malaysia Top EIU's Democracy Index Among ASEAN Countries. Mida.Gov.My. Available at: <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2050965>.

39 Mat Khazi, M. F. H. (2022, November 14). PRU15: Tsunami Pengundi Muda Tidak Akan Berlaku Besar-besaran. Sinar Harian Premium. Available at: <https://www.sinarharian.com.my/article/625572/berita/nasional/pru15-tsunami-pengundi-muda-tidak-akan-berlaku-besar-besaran>.

**Gambar 2: Pecahan umur pengundi bagi Pilihan Raya Umum Ke-15. (Sumber: Sinar Harian)**



### **Analisis ketersediaan pelaksanaan undi 18**

Melalui **Rajah 2**, pelaksanaan UNDI18 didasari oleh beberapa teori sedia ada seperti demokrasi, umur majoriti, hak kemanusiaan, kebebasan asasi mahupun perspektif utiliti. Ini bukanlah satu cadangan yang timbul secara tiba-tiba hanya untuk melibatkan kumpulan yang dipinggirkan (*marginalize group*) dalam pembangunan demokrasi negara, sebaliknya satu inisiatif terpuji kerajaan dalam menzahirkan langkah untuk mengembalikan hak yang sepatutnya kepada golongan tertentu, dalam hal ini, hak warganegara yang telah mencecah 18 tahun untuk sama berpartisipasi dalam pembentukan kerajaan. Malahan penandaarasan di Jadual 2 turut menunjukkan bahawa sudah sampai masanya terdapat keperluan untuk melaksanakan reformasi undang-undang dalam penyertaan politik agar Malaysia tidak keterbelakang dalam perihal ini berbanding negara-negara lain di ASEAN.

Terdapat pelbagai aspek yang membawa kepada pelaksanaan UNDI18 di Malaysia yang boleh diukur melalui indikator kerangka P.E.S.T.L.E (*Politics, Economy, Social, Technology, Legal dan Environment*). Hak dan kebebasan untuk mengundi dan keterlibatan pengundi muda dalam



pilihan raya merupakan indikator politik yang diambil kira untuk pelaksanaan UNDI18. Indikator ekonomi dalam aspek mereka yang berumur 18 tahun turut dikenakan dan membayar cukai yang menjadi penyumbang kepada modal pembangunan negara turut menyumbang kepada keperluan meletakkan hak mereka untuk memilih wakil rakyat dan kerajaan. Keupayaan dan kesediaan digital (*digital capability and readiness*) oleh Suruhanjaya Pilihan Raya juga telah membolehkan negara bersiap siaga untuk melicinkan pendaftaran pengundi bagi kemasukan kumpulan baharu iaitu mereka yang berumur 18 hingga 21 tahun. Tambahan pula era digital telah memudahkan akses capaian maklumat dan informasi yang diperlukan oleh golongan ini untuk memahami proses dan prosedur sebagai pengundi, maklumat berkaitan calon serta parti politik. Selain itu, Gerakan UNDI18 juga telah melaksanakan inisiatif Parlimen Digital untuk mewujudkan rangka kerja Parlimen bersidang secara maya. Parlimen Digital merupakan sesi Parlimen maya pertama di dunia yang dipimpin oleh belia.

Peruntukan sejumlah undang-undang yang membolehkan mereka yang berumur 18 tahun untuk menceburi hal-hal berkaitan norma sosial menunjukkan keupayaan yang diiktiraf oleh perundangan dalam aspek kapasiti pembuatan keputusan. Malahan pelaksanaan prosedur perundangan secara bukan tatakelola kanak-kanak terhadap pesalah yang berumur 18 tahun wajar mengangkat kematangan golongan ini dalam berfikir mengenai implikasi kebaikan dan keburukan terhadap kesan tindak-tanduk mereka. Sehubungan itu, golongan ini perlu, diraikan hak sama rata dalam kebolehan untuk turut terlibat dalam proses pembangunan demokrasi negara melalui pembuangan undi ketika pilihan raya.

Perkembangan persekitaran turut menjadi indikator pelaksanaan UNDI18, di mana pada hari ini, ilmu dan pendidikan dapat diperoleh daripada pelbagai kaedah, medium dan sumber. Pendidikan politik masih lagi menjadi isu besar kepada pengundi muda. Rata-rata mereka mengalami jurang pendidikan politik dan banyak bergantung kepada propaganda dan manipulasi media sosial untuk mereka mendapatkan infomasi sebelum mengundi.

Pendidikan secara konvensional pula seperti perbincangan antara ahli keluarga serta rakan taulan serta penyampaian maklumat melalui dunia digital, wadah akhbar kontemporari dan sebagainya telah memberikan pelbagai medium maklumat kepada segenap lapisan masyarakat untuk mendapatkan input-input yang diperlukan termasuklah perihal politik, demokrasi dan pilihan raya.

Pelaksanaan UNDI18 secara jelasnya telah memberi peningkatan dan penurunan kepada kunci-kunci tertentu seperti dalam **Rajah 2**. UNDI18 bukan sekadar meningkatkan jumlah pengundi dan peratusan pemilihan, malah merupakan satu manifestasi perkembangan demokrasi negara, menggalakkan inklusiviti pada warganegaraanya, meningkatkan keadilan pada lapisan masyarakat, meningkatkan autonomi rakyat dan liberalisasi dalam aspek keterlibatan warga malah mengurangkan pengabaian dan penindasan hak serta menjumudkan retorik kehilangan hak bagi golongan terpinggir.

Selanjutnya, peningkatan keterlibatan warganegara sebagai pengundi telah meningkatkan jumlah mengundi yang natijahnya akan menambah keabsahan kepada parti yang menang. Semakin tinggi jumlah pengundi yang turun padang dan melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mengundi, maka semakin jelas sokongan terhadap kepimpinan yang terpilih. Peratusan keyakinan rakyat dalam tampuk kepimpinan sesungguhnya amat penting dalam mengungkap makna kestabilan politik.


Pengkaji dapat menyimpulkan tiga sintesis terhadap pelaksanaan UNDI18 iaitu:

- i. Teori-teori sedia ada pada hari ini menyokong kepada pelaksanaan UNDI18;
- ii. Pelaksanaan UNDI18 telah memberikan peningkatan dan penurunan kepada kunci-kunci tertentu; dan
- iii. Pelaksanaan UNDI18 menyumbang kepada keabsahan kerajaan yang dibentuk.

### ***Analisis cabaran-cabaran Undi 18***

Berdasarkan penelitian daripada kajian literatur sedia ada sehingga tahun 2022 yang memfokuskan perbincangan mengenai UNDI18, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa tema cabaran yang boleh dibangunkan seperti berikut:

### Rajah 3: Cabaran-cabaran pelaksanaan Undi 18 di Malaysia



Berdasarkan literatur-literatur yang diteliti seperti dalam **Rajah 3**, terdapat lima tema besar cabaran-cabaran Undi 18 di Malaysia iaitu *Politics*, *Technology*, *Social*, *Education* dan *Environment*, yang dibangunkan daripada *coding* literatur berkenaan. Daripada tema-tema ini, tema *social* mempunyai kekerapan (*frequency*) yang paling tinggi, manakala tema *environment* memiliki kekerapan yang paling rendah. Perkara ini menunjukkan cabaran sosial adalah cabaran utama yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkepentingan terhadap pengundi muda pada masa akan datang.

Cabaran-cabaran di bawah tema sosial termasuklah elemen-elemen seperti etnik, keutamaan pengundi, keluarga dan rakan taulan, kesediaan, pilihan, impak sosiopolitik, kesungguhan, keterlibatan, aktiviti reformasi, sikap, kesedaran serta sejarah latar belakang pengundi muda. Haiqal

Moshidi et al., (2021)<sup>40</sup> berpendapat, ahli keluarga merupakan unit paling dekat dalam pengenalan orang muda kepada idea dan hal berkaitan dunia politik. Pendekatan secara konvensional ini seperti perbualan tidak formal atau santai dalam kalangan keluarga boleh bermula seawal umur yang muda. Walau bagaimanapun, tidak semua keluarga menggunakan pendekatan konvensional ini untuk membicarakan hal-hal berkaitan politik secara terbuka. Memetik pendapat daripada Mallow Muzaffar Syah (2021b)<sup>41</sup> pula, pengenalan hal-hal berkaitan politik kepada kanak-kanak boleh membawa kepada satu bentuk indoktrinasi awalan politik dan berpendapat bahawa kanak-kanak perlu dilindungi daripada perkara ini. Sekiranya pendapat Mallow Muzaffar Syah (2021b) terpakai, kanak-kanak tidak boleh terdedah kepada politik sebelum berumur 18 tahun dan terus perlu mengundi setelah mencecah 18 tahun. Perkara ini akan mewujudkan polemik kewujudan masa yang sesuai untuk memberikan pendedahan proses demokrasi kepada golongan muda.

Satu dasar yang jelas mengenai keterlibatan orang muda dalam perkara berkaitan politik perlu dibincangkan dengan jelas berkaitan kesesuaian umur, kandungan yang wajar diketengahkan serta jenis medium pengantaraan. Garapan daripada pendidikan dan pengetahuan yang jelas dijangka dapat membantu dalam menyelesaikan dilema tema sosial yang turut akan dihadapi oleh pengundi muda akan datang sekiranya masih belum ditangani dengan baik. Medium penyertaan secara bukan konvensional boleh diketengahkan seperti yang disarankan dalam kajian Wan Abdul Ghapar Wan Rohila Ganti et al., (2021)<sup>42</sup> yang mengetengahkan unsur-unsur interaktif seperti 'Kahoot!', 'Powtoon' dan 'Toonly' dalam pengenalan kepada Modul Undi18@School kepada para pelajar Tingkatan Enam Atas.

---

40 Haiqal Moshidi, M., Syifaa, N., Fasiah, F., Latif, A., Chai, & Yi, S. (2021). Youth Perceptions Towards Readiness Of Youth In Kuching, Malaysia: Are They Ready To Vote? e-Proceeding 8th International Conference On Public Policy And Social Science (ICoPS) 2021, 569–574. Available at: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/55224/1/55224.pdf>.

41 Mallow Muzaffar Syah. (2021b, November 2). Lecturer Welcomes Undi18, Caution Against Political Indoctrination of Children. *Borneo Post*, 5. Available at: <https://www.pressreader.com/malaysia/the-borneo-post/20211102/281689733033694>.

42 Wan Abdul Ghapar Wan Rohila Ganti, Che Mohd. Razali Che Hamdan, Ahmad Muhammad Fazil, & Abdul Latip Abdul Rahman. (2021). Pembentukan Modul Undi18@School untuk Pendidikan Kenegaraan dan Demokrasi kepada Belia 18-21 Tahun. *I-Spike 2021 International Exhibition & Symposium E-Proceedings*, 28–32. Available at: <https://ispike2021.uitm.edu.my/>.

Selanjutnya, *coding-coding* cabaran daripada literatur tersebut dapat dibahagikan kepada dua kelompok faktor iaitu faktor dalaman pengundi dan faktor luaran pengundi seperti berikut:

**Jadual 3: Faktor dalaman pengundi dan faktor luar pengundi yang menyumbang kepada cabaran-cabaran UNDI18**

Faktor dalaman pengundi	Faktor luaran pengundi
<i>Ethnicity</i>	<i>Social Media</i>
<i>Preferences</i>	<i>Family</i>
<i>Knowledge</i>	<i>Peers</i>
<i>Youth readiness</i>	<i>Pandemic Covid-19</i>
<i>Interest</i>	<i>Socio-political implication</i>
<i>Youth Determination</i>	<i>Political scenario</i>
<i>Youth Participation</i>	<i>Political satire</i>
<i>Critical historiography</i>	<i>Political cartoon</i>
<i>Attitude</i>	<i>Political meme</i>
<i>Awareness</i>	<i>Parody video</i>
	<i>Reform activities</i>
	<i>Education</i>
	<i>Media</i>
	<i>Information source</i>
	<i>Internet</i>

Daripada **Jadual 3**, faktor luaran pengundi telah mendominasi cabaran pengundi muda. Dalam kajian-kajian berkaitan pembuatan keputusan, dominasi sama ada daripada faktor dalaman dan luaran adalah sesuatu yang subjektif. Faktor ini boleh dipengaruhi oleh bidang atau hala tuju organisasi, tampuk kepimpinan dan sebagainya. Menurut David, (2011)<sup>43</sup> dalam teori membuat keputusan, faktor luaran adalah lebih penting daripada faktor dalaman sebagai contoh, dalam pendekatan organisasi industri, faktor luaran (industri) adalah lebih penting daripada faktor dalaman dalam mencapai kelebihan daya saing industri. Manakala

43 David, F. R. (2011). *Strategic Management: Concepts and Cases*. PEARSON. [Online] Available at: [https://pracownik.kul.pl/files/12439/public/3\\_David.pdf](https://pracownik.kul.pl/files/12439/public/3_David.pdf).

dalam Islami et al., (2018),<sup>44</sup> kajian tersebut mendapati bahawa faktor dalaman, perniagaan mempunyai kesan positif yang lebih besar terhadap prestasi firma berbanding faktor industri.

Walau bagaimanapun, dalam konteks pengundi muda, faktor luaran pengundi muda merupakan satu cabaran besar kepada semua pihak yang berkepentingan dalam menyuntik maklumat kepada pengundi muda, kerana pada akhirnya, secara jelas dan nyata, pengundi itu sendiri menjadi penentu besar dalam keputusan pilihan raya. Perkara ini juga perlu penelitian lanjut daripada sudut '*phenomenology methodology*' dalam memahami sejauh mana pengaruh nilai (*value*) dan pengalaman (*experience*) mempengaruhi pengundi muda dalam membuat keputusan mengundi.

Antara contoh lain perkaitan faktor dalaman pengundi dengan faktor luaran pengundi ialah *voter preferences* dan *demography*. Penganalisis politik turut melihat perubahan dengan pengundi muda UNDI18, sokongan akan ditunjukkan bukan untuk parti pilihan tetapi untuk calon individu yang bertanding di kawasan tertentu sebaliknya seperti calon yang peka dan sensitif terhadap isu-isu golongan muda seperti bantuan pendidikan, pekerjaan belia, rumah pertama, dan dasar lain yang melibatkan kepentingan golongan muda.<sup>45</sup>

Dalam *coding-coding* cabaran yang dikumpul, terdapat *coding* (pengekodan) yang mempunyai pengulangan atau diulang dalam beberapa penulisan artikel iaitu media sosial. Cabaran media sosial berlaku apabila terdapat hidangan dan pertembungan maklumat berkaitan politik sama ada sahih ataupun palsu. Perkara ini perlu diambil perhatian bagi mengelakkan fenomena kecelaruan maklumat. Mengikut Intyaswati et al., (2021)<sup>46</sup> terdapat kepentingan yang signifikan hubungan antara media sosial sebagai sumber maklumat politik utama untuk membangunkan pengetahuan politik dalam kalangan pengundi

---

44 Islami, X. A., Mulloli, A. S., & Mustafa, N. (2018). 'The Effect of Industrial and Internal Factors to the Firm's Performance.' *Acta Universitatis Danubius*, 15(5), 154–166. [Online] Available at: <https://journals.univ-danubius.ro/index.php/oeconomica/article/view/4895/5336>.

45 Qistina, T. (2021). 'Undi18 youth votes should be heard, say experts.' *Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia*. [Online] Available at: <https://www.isis.org.my/2021/08/23/undi18-youth-votes-should-be-heard-say-experts/>.

46 Intyaswati, D., Maryani, E., Sugiana, D., & Venus, A. (2021). 'Using media for voting decision among first-time voter college students in West Java, Indonesia.' *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 10(1), 327–339. [Online] Available at: <https://doi.org/10.36941/ajis-2021-0028>.

muda baharu. Saahar @ Saabar et al., (2022)<sup>47</sup> pula mengesahkan bahawa *political chaos* dan media sosial telah mempengaruhi niat dan tingkah laku pengundi. Kaur & Puyok (2021)<sup>48</sup> menyatakan bahawa kesan media boleh mempengaruhi keputusan khalayak atau membuat mereka membentuk pertimbangan tentang kumpulan atau idea atau konsep tertentu yang ditunjukkan pada skrin.

Justeru, suatu langkah perlu diambil terhadap peningkatan *trend* aktiviti politik dalam talian kerana *trend* ini menarik minat golongan pengundi muda untuk cakna isu termasuk sosioekonomi dan politik seterusnya boleh mempengaruhi keputusan pengundian pengundi muda. Walau bagaimanapun, media sosial boleh memainkan peranan untuk menyebarkan maklumat yang diperlukan oleh pengundi muda melalui akaun yang sah seperti akaun milik kerajaan. Selain itu, platform media sosial wajar memberikan simulasi pilihan raya yang menyeluruh bermula bermula dengan pengundian, kemenangan calon-calon, pembentukan kerajaan dan pemilihan ketua kerajaan bagi mengelakkan salah faham di kalangan pengundi muda berkaitan perjalanan sistem demokrasi dalam memilih pemerintah.

Menurut Ismayuddin & Awang Besar (2022)<sup>49</sup> 38 peratus responden mereka telah menyatakan bahawa media merupakan faktor yang mempengaruhi pandangan manakala 92 peratus responden bersetuju bahawa penggunaan media sosial seperti Whatsapp, Facebook dan lain-lain telah menarik minat untuk cakna berkaitan isu sosioekonomi dan politik. Sementara itu, 78 peratus respondennya dalam kajian mereka pula bersetuju bahawa pandangan mereka terhadap isu sosioekonomi dan politik memberi pengaruh dalam pilihan politik mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa *information source* (faktor luaran pengundi) mempunyai kaitan dengan *voter preferences* (faktor dalaman pengundi). Selain itu, 98 peratus responden juga bersetuju bahawa pihak berkuasa

47 Saahar @ Saabar, S., Othman, M. K., & Faris Anuar, A. D. (2022). 'Kesan Senario Politik Ke Atas Tingkah Laku dan Niat Pengundi PRN Johor 2022.' *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001479. [Online] Available at: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1479>.

48 Kaur, H., & Puyok, A. (2021). 'Political Satire and Its Influence on the Youth Political Perception.' *Trends in Undergraduate Research*, 4(2), h18-28. [Online] Available at: <https://doi.org/10.33736/tur.4096.2021>.

49 Ismayuddin, B. F., & Awang Besar, J. (2022). 'Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang.' *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1–20. [Online] Available at: <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/491>.

wajar mengambil tindakan tegas terhadap penyebar maklumat palsu atau yang bertujuan menghina pihak lain. Sebuah kajian di Filipina<sup>50</sup> mendapati bahawa pengundi muda yang mempunyai keupayaan mengenal pasti berita palsu mempunyai keyakinan untuk hadir membuang undi ketika pilihan raya, manakala pengundi muda yang tidak mempunyai keupayaan seperti itu akan merasa ‘keliru’ dan menjadi kurang motivasi untuk membuang undi.

Perjuangan memperkasakan integriti pilihan raya dengan membendung kegiatan sebaran maklumat politik palsu telah menjadi agenda utama banyak negara lain,<sup>51,52,53</sup> tetapi usaha ini kurang terlihat di Malaysia. Agenda ini penting bagi memastikan wakil rakyat yang menang pilihan raya adalah terpilih atas dasar merit dan kualiti, dan bukannya disebabkan oleh informasi yang disampaikan melalui penyebaran berita palsu. Hal ini perlu diambil kira dan ditangani secara serius bagi pilihan raya akan datang memandangkan UNDI18 telah membawa masuk 5.8 juta pengundi kali pertama, dengan 1.2 juta merupakan pengundi 18 hingga 20 tahun. Statistik tahun 2022 turut menunjukkan bahawa kadar capaian jalur lebar negara adalah pada 89.6% manakala sebanyak 43.3% populasi Malaysia berusia 18 hingga 24 tahun merupakan pengguna aktif internet. Capaian jalur lebar dan penggunaan internet telah menjadi salah satu platform meraih undi yang penting serta boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya. Kohort pengundi yang aktif melayari internet ini boleh dilihat sebagai antara sasaran kempen dalam talian oleh parti politik melalui pelbagai platform media social.<sup>54</sup> Aktiviti-aktiviti kempen

- 
- 50 Mendoza, G. A., Ballar, K. J., Yap, J., & Imelda, D. (2022). ‘Misinformed or Overconfident? Fake News and Youth Voting Likelihood in the Philippines.’ In *SSRN Electronic Journal* (Issue June 2023). [Online] Available at: <https://doi.org/10.2139/ssrn.4064584>.
  - 51 Steinfeld, N. (2022). ‘The disinformation warfare: how users use every means possible in the political battlefield on social media.’ *Emerald Insight*, 46(7), 1313–1334. [Online] Available at: <https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/OIR-05-2020-0197/full/html>.
  - 52 Chadwick, A., & Vaccari, C. (2019). ‘News sharing on UK social media: misinformation, disinformation, and correction.’ [Online] Available at: [https://repository.lboro.ac.uk/articles/report/News\\_sharing\\_on\\_UK\\_social\\_media\\_misinformation\\_disinformation\\_and\\_correction/9471269](https://repository.lboro.ac.uk/articles/report/News_sharing_on_UK_social_media_misinformation_disinformation_and_correction/9471269).
  - 53 Shu, K., Bhattacharjee, A., Alatawi, F., Nazer, T. H., Ding, K., Karami, M., & Liu, H. (2020). ‘Combating disinformation in a social media age.’ *Wiley Interdisciplinary Reviews: Data Mining and Knowledge Discovery*, 10(6). [Online] Available at: <https://doi.org/10.1002/widm.1385>.
  - 54 Neelapaichit, K. A. (2022). ‘Youth and Disinformation in Malaysia: Strengthening Electoral Integrity.’ [Online] Available at: <https://asiacentre.org/wp-content/uploads/Youth-and-Disinformation-in-Malaysia-Strengthening-Electoral-Integrity-1.pdf>.



yang 'tidak sihat' seperti mempunyai elemen berita palsu dan fitnah, serta termasuklah unsur 'pembunuhan karekter' figura-figura politik tertentu perlu dihentikan bagi meraih proses pembangunan demokrasi yang lebih matang, sihat dan meyakinkan.

## **PASCA pelaksanaan UNDI18 dan perbincangan dalam parlimen Malaysia**

Perbincangan mengenai UNDI18 direkodkan dalam penyataan rasmi Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang dapat diakses melalui laman web rasmi parlimen Malaysia yang menyimpan dokumen perbahasan dewan melalui tab 'Penyata Rasmi' kedua-dua dewan adalah seperti berikut:

1. 36 carian dalam penyata rasmi Dewan Rakyat bermula 5 November 2019 sehingga 18.3.2024; dan
2. 6 carian dalam penyata rasmi Dewan Negara bermula 24 Julai 2019 sehingga 9.8.2022.

Menurut kenyataan penyata rasmi Dewan Rakyat bertarikh 14 Februari 2023 yang memetik laporan akhbar '*The Edge*' bertarikh 24 Oktober 2022, jumlah mereka yang layak mengundi bagi pilihan raya terakhir di negara ini telah mengalami peningkatan sebanyak 6.32 juta pengundi, 1.47 juta daripadanya berumur 18 hingga 20 tahun.<sup>55</sup> Seperti dalam perbincangan terdahulu, pilihan raya Negeri Johor pada 9 Mac 2022 merupakan medan pengalaman pertama bagi pelaksanaan UNDI18 yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Walau bagaimanapun, mengikut rekod penyata rasmi Dewan Negara bertarikh 31 Mac 2022, peratus keluar mengundi adalah masih rendah bagi keseluruhan negeri tersebut iaitu hanya 54.92%. Antara isu peratus keluar mengundi yang rendah di sebalik pelaksanaan UNDI18 ini ialah ada di kalangan rakyat yang tidak sedar bahawa mereka telah didaftarkan layak mengundi secara automatic.<sup>56</sup>

Analisis perbincangan bagi pasca pelaksanaan pertama UNDI18 yang substantif di Parlimen bermula pada 9 Mac 2022 hanya ditemui dalam penyata rasmi Dewan Rakyat seperti berikut:

55 Penyata Rasmi Dewan Rakyat (14 Februari 2023).

56 Penyata Rasmi Dewan Negara (31 Mac 2022).

#### Jadual 4: Perbincangan mengenai PASCA pelaksanaan pertama UNDI18 di Parlimen Malaysia

Tarikh penyata rasmi	Kenyataan dalam dewan
DR. 18.3.2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kita telah memberikan kepercayaan kepada anak muda untuk menentukan masa depan negara.</li> <li>• Undi18 itu harus datang dengan segala pakej yang perlu kita sempurna. Contohnya, kita perlu ada platform-platform, pakej-pakej yang memberikan pencerahan, umpamanya dalam kurikulumkah ataupun dalam platformplatform yang lain, bagi pendedahan politik awal kepada Undi18, golongan umur yang 18 dan juga perlu memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti yang memberikan pencerahan kepada mereka.</li> <li>• Kita ada Undi18, kesemua ini harus kita memberikan penghargaan kepada perjuangan masyarakat sivil dan perubahan landskap politik dalam negara kita dan akhirnya menyumbangkan kepada segala hak asasi dan kebebasan yang ada pada kita pada hari ini.</li> </ul>
DR. 28.11.2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kita dapat melahirkan sebuah generasi muda yang bersahsiah dan jati diri yang lebih baik kerana kita sekarang ini mengimplementasikan Undi18 supaya kita mempunyai sebuah negara Malaysia yang lebih baik, bukan generasi yang rosak, yang cuba dibentuk sekarang ini.</li> </ul>
DR. 21.11.2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai kekusaran pemahaman politik dalam kalangan belia. Kita lihat bahawa sekarang kita telah mengimplementasikan Undi18 dan kita mengimplementasikan Undi18 dalam keadaan kita tidak menyediakan satu platform yang baik. Maka, dengan adanya platform-platform yang baru yang diperkenalkan kementerian, diharapkan supaya anak-anak belia lebih cakna tentang politik. Bukan semata-mata politik kepartian, tetapi politik untuk membangun negara.</li> </ul>

<p><b>DR. 23.10.2023</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Yang pertama ialah kurikulum sejarah yang ada sekarang ini di-review antara lain selepas tahun 2000, yakni selepas siri, beberapa siri seminar dan program-program yang pada masa itu berkaitan dengan patriotisme. Saya tahu sebab saya antara penganjurnya. Saya cadangkan kurikulum sejarah itu kena review balikkah. Sebab itu dah lama dan review balik kerana untuk bersesuaian dengan Undi18.</i></li> <li>• <i>Namun begitu, saya ucapkan- kerana proses ataupun kelulusan Undi18 ini telah memberikan pelbagai reaksi dan juga manfaat kepada proses pengundian dan juga kepada proses kebebasan hak memilih seawal 18 tahun. Yang penting kepada kita ialah pengundi muda tidak boleh kita hendak tentukan mengundi di satu-satu lokaliti tertentu. Ia mengikut keputusan ataupun mengikut IC alamat kad pengenalan yang termaktub, dan juga yang telah didaftarkan.</i></li> </ul>
<p><b>DR.30.03.2023</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Selangor telah pun membangunkan isu berkenaan dengan pendidikan Undi18. Dalam hal ini, Akademi Pilihan Raya mengambil inisiatif untuk memberikan pendidikan pengundi kepada pengundi muda. Ini adalah satu inisiatif yang telah dimulakan oleh akademi tersebut.</i></li> <li>• <i>Sedikit sahaja. Sangat mustahak untuk kita memberikan pelaksanaan yang segera atas pencerahan dan pendidikan politik dan demokrasi pada Undi18 ini untuk memaknakan penglibatan mereka kerana berdepan dengan PRN, enam buah negeri dan apa yang telah kita saksikan dalam PRU15 yang lalu. Terima kasih.</i></li> </ul>
<p><b>DR.20.03.2023</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Undi 18 ini sudah jadi satu main topic. Walaupun selepas PRU, sekarang ini kita berhadapan pula dengan pilihan raya negeri. Maka semua orang masih membincangkan soal partisipasi golongan belia dan juga literasi politik dalam golongan yang— terutama sekali bakal menjadi pengundi kali pertama beberapa bulan daripada sekarang. We are racing against time. Saya yakin dan KBS sentiasa terbuka daripada segi melibaturuskan semua pihak yang berkepentingan, pemegang-pemegang taruh dalam sektor belia ini.</i></li> </ul>

<b>DR.14.03.2023</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Empat tahun setelah pindaan Perlembagaan berkenaan Undi18 dilaksanakan. Kerajaan perlu lebih fokus dalam proses memberikan pendedahan pendidikan demokrasi kepada pengundi baharu ini agar mereka bersedia dan menjadi pengundi yang bermaklumat dalam membuat keputusan serta pertimbangan. Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa Undi 18 ini amat penting dan kita lihat bagaimana anak muda ketika ingin mengundi, tidak semata-mata hanya memangkah di kertas tetapi anak muda ini perlu benar-benar faham bahawa yang mereka menentukan itu adalah masa hadapan negara Malaysia. Selain anak-anak muda 18 tahun sehingga 21 tahun, bagi saya, pendidikan demokrasi juga harus diberikan kepada pengundi baharu tanpa mengira umur.</li> </ul>
<b>DR.13.03.2023</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). PRU-15 yang lepas merupakan sebuah hasil daripada pelaksanaan Undi18 yang diluluskan oleh Parlimen sebelum ini. Untuk PRN akan datang, SPR menghadapi cabaran yang agak besar untuk memastikan statistik pengundi sekurang-kurangnya tidak berkurang daripada yang lalu.</li> <li>• Keduanya, saya melihat fungsi di bawah Jabatan Komunikasi JKOM ini yang pertama membina komuniti berbudaya ilmu dengan memperkasakan Pendidikan perlembagaan, pendidikan politik untuk belia Undi18 dan apresiasi nilai estetika seni budaya.</li> <li>• Saya hendak sentuh pendidikan politik untuk Undi18 itu. Tidakkah ini bertindan dengan peranan yang dimainkan oleh akademi SPR? Sebaiknya, lebih baik peruntukan itu diberikan kepada pihak SPR memandangkan dalam Butiran T.7 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan saya minta pihak kerajaan memberikan tambahan kepada Akademi Pilihan Raya ini memandangkan akademi ini akan memberikan pendidikan kepada masyarakat terutama sekali untuk pelajar-pelajar sekolah dan juga pelajar-pelajar universiti serta memberi pendidikan mengenai pilihan raya kepada masyarakat untuk jangka masa panjang dan sebaiknya bajet itu dapat diperincikan.</li> <li>• Di negara ini juga terdapat beberapa langkah yang bersifat inovatif, dengan izin, seperti Undi18 dan juga automatic registration, dengan izin Tuan Pengerusi, yang merupakan langkah-langkah progresif dalam isu ini.</li> </ul>

<b>DR.01.03.2023</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Walaupun jumlah pengundi keluar mengundi pada PRU Ke-15 adalah lebih tinggi berbanding PRU sebelumnya tetapi denominator yang digunakan iaitu jumlah pemilih pendaftar juga adalah tinggi kesan daripada pelaksanaan Undi18 dan pendaftaran pemilih secara automatik. Tiada maklumat peratus keluar mengundi mengikut umur pengundi pada PRU Ke-15. SPR hanya melaporkan peratus keluar mengundi keseluruhan di peringkat nasional, negeri atau mengikut bahagian pilihan raya terlibat sahaja.</li> </ul>
<b>DR.22.02.2023</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minta Menteri Pendidikan menyatakan tahap kesediaan kementerian untuk memperkenalkan subjek pilihan raya atau memasukkan elemen Undi18 dalam mata pelajaran di peringkat sekolah menengah seperti yang dituntut oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kandungan yang berkaitan pilihan raya telah dimasukkan secara khusus dalam mata pelajaran Sejarah dan elemen berkaitan pilihan raya dilaksanakan dalam Pendidikan Sivik serta aktiviti kokurikulum.</li> </ul>
<b>DR.14.02.2023</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuan Yang di-Pertua, memberi respons kepada pandangan Yang Berhormat Kapar berkaitan dengan Undi18 sebentar tadi, kita sebenarnya tidaklah menolak ataupun menidakkan kematangan Undi18, tetapi pada pandangan sayalah secara peribadi, kita seharusnya memberikan pendidikan, literasi dan kesedaran sebelum melaksanakan ataupun memperbaiki apa yang telah berlaku dalam PRU-15 baru-baru ini.</li> <li>• Saya dalam kesempatan ini memohon supaya Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan untuk bekerjasama supaya pengetahuan literasi politik dan kenegaraan dapat diterapkan dalam kalangan pengundi muda kita. Kalau kita masih memiliki semangat Biro Tatanegara (BTN) kalau masih ingat dan juga Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ataupun program-program seumpamanya, saya percaya pendedahan terhadap Undi18 ini dapat dijelaskan dengan lebih baik.</li> </ul>

<b>DR.18.07.2022</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Saya hendak cadangkan terutamanya untuk anak muda di Sabah dan Sarawak. Kalau Undi18, banyak mereka kena keluar dari negeri mereka sendiri untuk belajar di kolej-kolej, universiti, mungkin di Semenanjung Malaysia seperti di Kuala Lumpur, Penang dan sebagainya. Apakah pendirian kerajaan?</i></li> <li>• <i>Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang baik. Sebenarnya saya sendiri yang membangkitkan soalan ini kepada Tuan Yang di-Pertua semasa Tuan Yang di-Pertua menjadi Pengerusi SPR dahulu, semasa satu libat urus. Adalah penting pihak SPR untuk memikirkan bahawa postal voting, voting electronic dan semua sekali demikian itu ataupun mengundi contohnya ramai orang daripada Sarawak dan Sabah yang berada di Semenanjung dan orang Semenanjung berada di Sabah yang sepatutnya diberi peluang mengamalkan pengundian ini dan mengamalkan demokrasi ini menerusi supaya tidak mengganggu gugat sangat tugas dan tanggungjawab mereka dan boleh mengundi di tempat mana mereka berada.</i></li> </ul>
----------------------	--

Menerusi perbincangan dan perdebatan Parlimen mengenai pasca pelaksanaan UNDI18, terdapat dua intipati yang perlu diketengahkan itu:

1. Rakyat perlu diberi pengetahuan yang lebih mendalam mengenai pendidikan politik termasuklah UNDI18; dan
2. Perlunya satu badan atau agensi yang menggalas tanggungjawab bagi melaksanakan pendidikan politik kepada rakyat terutamanya kepada golongan muda termasuklah pelajar sekolah.

Menurut Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), pendidikan mengenai subjek pilihan raya termasuklah elemen UNDI18 adalah dituntut untuk diketengahkan pada tahap pendidikan menengah.<sup>57</sup>

Parlimen Malaysia turut membincangkan beberapa jabatan atau agensi yang difikirkan wajar menerajui pendidikan politik kepada golongan muda. Cadangan ini termasuklah Jabatan Komunikasi, Akademi Pilihan

---

57 Penyata Rasmi Dewan Rakyat (22 Februari 2023).

Raya, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Selain itu, Parlimen Malaysia turut membahaskan beberapa isu yang wajar diketengahkan dalam pelaksanaan pengundian oleh golongan muda terutamanya pelajar-pelajar di universiti, disebabkan kekangan lokasi untuk mengundi yang begitu jauh. Ini termasuklah cadangan pelaksanaan *postal voting* atau *electronic voting* tertamanya bagi pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak yang sedang melanjutkan pelajaran di Semenanjung Malaysia.<sup>5859</sup> Perkara ini sewajarnya diambil perhatian oleh Kerajaan agar pengundi muda dapat melaksanakan tanggungjawab mereka tanpa faktor kewangan yang membebankan mereka.

## Rumusan dan penutup

Kesimpulannya, penglibatan pengundi berusia 18 tahun adalah penting dalam membantu negara melibatkan semua peringkat masyarakat dalam memilih kerajaan yang berkuasa. Secara idealnya, tiada sesiapa pun yang boleh dinafikan hak untuk mengambil bahagian dalam mana-mana proses demokrasi termasuklah hak untuk mengundi. Ini kerana mengundi menjadi instrumen penting kepada warganegara untuk menentukan tampuk kepimpinan negara, di samping mempamerkan sikap nasionalismenya. Peningkatan peratusan pengundi yang dilengkapkan dengan pengetahuan yang diperlukan berkaitan pilihan raya dan demokrasi akan membantu dalam meningkatkan legitimasi kerajaan yang dibentuk, menambahkan keyakinan, bukan sahaja masyarakat dalam negara, malahan pihak luar negara yang berkepentingan.

Kajian yang berterusan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, data tambahan dan sebagai rujukan kepada pihak berkenaan mengenai kelompok belia khususnya dalam bidang politik dan pilihan raya di Malaysia amat diperlukan. Pengundi baharu dan pengundi muda perlu diyakinkan tentang kepentingan kesedaran untuk cakna mengenai pilihan raya dan sistem demokrasi negara melalui saluran yang betul serta menyedari tentang kepentingan menyertai proses pilihan raya serta implikasinya yang akan mempengaruhi kehidupan mereka pada masa hadapan melalui dasar-dasar yang akan diperkenalkan atau dilaksanakan oleh barisan pemimpin kerajaan yang dipilih. Manakala pihak kerajaan

---

58 Penyata Rasmi Dewan Negara (31 Mac 2022).

59 Penyata Rasmi Dewan Rakyat (18 Julai 2022).

pula perlu meneruskan pelbagai inisiatif pasca pelaksanaan UNDI18, menambah baik inisiatif sedia ada melalui kajian impak untuk meningkatkan penglibatan anak muda dalam pembuatan keputusan melalui penyertaan awam pada masa yang akan datang. Setelah Malaysia mempunyai kerangka dan konsep pendidikan yang jelas mengenai proses demokrasi dan pilihanraya, serta inisiatif UNDI18 mencapai maksud keseluruhannya, barulah kajian lanjut untuk menurunkan lagi had umur mengikut negara-negara lain boleh dilaksanakan.

Penambahbaikan untuk meningkatkan inklusiviti rakyat dalam proses demokrasi negara adalah penting. Walaupun pendaftaran pengundi berjalan secara automatik selepas pindaan akta ini, namun proses mengundi tidak dijadikan secara mandatori kepada pengundi. Pada masa ini, terdapat 21 negara<sup>60</sup> yang telah menguatkuasakan undi mandatori, dan warganegara yang gagal membuang undi tanpa alasan yang munasabah akan dikenakan penalti seperti disenaraihitamkan daripada menerima sebarang bantuan kerajaan. Prinsip pelaksanaan undi mandatori bagi memastikan peratusan keluar mengundi berada pada tahap yang tinggi.<sup>61</sup> Kebanyakan negara yang menetapkan mengundi adalah mandatori mencatatkan peratusan keluar mengundi melebihi 90%<sup>62</sup> berbanding Malaysia yang hanya mencatatkan 76% pada PRU-14<sup>63</sup> dan 74.4% pada PRU-15.<sup>64</sup> Sehubungan dengan itu, kajian masa hadapan juga perlu melihat kepada potensi pengenalan undi mandatori.

---

60 Nota: Daripada 21 negara ini, hanya 10 negara yang benar-benar menguatkuasakan undi mandatori. Terdapat 2 negara ASEAN yang mempunyai undang-undang undi mandatori, iaitu Singapura dan Thailand. Walau bagaimanapun, hanya Singapura yang menguatkuasakan undi mandatori, manakala Thailand tidak menguatkuasakan undang-undang ini walaupun termaktub dalam warta negaranya. Perbezaan dapat dilihat daripada peratusan keluar mengundi di Singapura pada kadar 95% berbanding 67% di Thailand. Sebagai rekod, sebuah lagi negara ASEAN, iaitu Filipina pernah menguatkuasakan undi mandatori ketika rejim Ferdinand Marcos pada tahun 1965 sehingga 1986.

61 Umbers, L. M. (2020). 'Compulsory Voting: A Defence'. *British Journal of Political Science*, 50(4), 1307–1324. [Online]. Available at: <https://doi.org/10.1017/S0007123418000303>. (Accessed: 11 December 2023)..

62 Kostelka, F., Singh, S. P., & Blais, A. (2024). 'Is compulsory voting a solution to low and declining turnout? Cross-national evidence since 1945'. *Political Science Research and Methods*, 12(1), 76–93. [Online]. Available at: <https://doi.org/10.1017/psrm.2022.57>. (Accessed: 11 December 2023).

63 Dashboard PRU-14 (n.d.). Portal Rasmi Suruhanjaya Pilihanraya. Available at: <https://dashboard.spr.gov.my/PRU15>. (Accessed: 11 December 2023).

64 Dashboard PRU-15 (n.d.). Portal Rasmi Suruhanjaya Pilihanraya. Available at: <https://dashboard.spr.gov.my/PRU14>. (Accessed: 11 December 2023).



## Cadangan kajian masa hadapan

Dalam mengembangkan lagi kajian berkaitan pengundi muda ini, terdapat beberapa kajian lanjut yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji pada masa hadapan. Pertama, satu kajian lapangan berbentuk kuantitatif atau kualitatif berkaitan kerangka konseptual pelaksanaan cabaran-cabaran pengundi muda boleh dilaksanakan dengan menggunakan sampel tertentu untuk menilai dapatan dalam **Rajah 2** dan **Rajah 3**. Kedua, satu kajian lanjut yang komprehensif terhadap cadangan-cadangan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan kerangka pemahaman mengenai pilihan raya dan demokrasi dapat dibangunkan bagi manfaat setiap lapisan masyarakat terutamanya pengundi baharu akan datang. Ketiga, kajian impak UNDI18 terhadap beberapa siri PRN serta PRU yang berlangsung bagi mengukur pencapaian inisiatif tersebut. Keempat, kajian masa hadapan untuk mengkaji ketersediaan kerajaan untuk menurunkan had umur pengundi lebih rendah daripada 18 tahun.

## Rujukan

- Abbas, A., & Dompok, T. (2020). 'Dampak Demokrasi terhadap Kesejahteraan (Studi Kasus di Indonesia)'. *Dialektika Publik*, 5(1), 43–49. [Online]. Available at: <http://ejournal.upbatam.ac.id/index.php/dialektikapublik>.
- Abdul Aziz Abdul Rahman, Ahmad Sabri Ahmad Zaharuddin Sani, & Nordin Muhamed Nor Azman. (2014). *Demokrasi di Malaysia*. Institut Terjemahan & Buku Negara.
- Alami, A. N., Luong, D. N. A., Prihatini, E., Ramadhani, E., Go, J. R. R., Hafidzah, N., & Atiyah, U. (2022). 'Democratization in the Digital Era: Experience from Southeast Asia'. *Journal of ASEAN Studies*, 10(2), 227–246. [Online]. Available at: <https://doi.org/10.21512/jas.v10i2.9361>.
- Azmir, M., Nizah, M., Sabri, & Sharif, M., & Teras, P. (2020). 'Undi 18: Belia dan Politik Konvensional'. *Jurnal Sains Insani*, 5(1), 180–186. [Online]. Available at: <https://scholar.archive.org/work/kflhsyvntrenxmqf2cgvijkgtm>.
- Bernama. (2022, February 10). 'Malaysia Top EIU's Democracy Index Among ASEAN Countries'. *Mida.Gov.My*. [Online]. Available at: <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2050965>.

- Chadwick, A. and Vaccari, C. (2019). 'News sharing on UK social media: misinformation, disinformation, and correction'. [Online]. Available at: [https://repository.lboro.ac.uk/articles/report/News\\_sharing\\_on\\_UK\\_social\\_media\\_misinformation\\_disinformation\\_and\\_correction/9471269](https://repository.lboro.ac.uk/articles/report/News_sharing_on_UK_social_media_misinformation_disinformation_and_correction/9471269).
- Chai, J. (2022). 'The Paradox of Malaysia's Lowering of Voting Age-Expanded Enfranchisement Devalued by More Unequal Representation (Issue 63)'. [Online]. Available at: <https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2022-63-the-paradox-of-malysias-lowering-of-voting-age-expanded-enfranchisement-devalued-by-more-unequal-representation-by-james-chai/>.
- Cheng, C., & Welsh, B. (2021). 'Malaysia's Youth in Peril The impacts of the pandemic on the youth and its implications for Malaysian economy, society and politics'. Malaysiakini. [Online]. Available at: <https://www.malaysiakini.com/columns/572951>.
- David, F. R. (2011). Strategic Management: Concepts and Cases. PEARSON. [Online] Available at: [https://pracownik.kul.pl/files/12439/public/3\\_David.pdf](https://pracownik.kul.pl/files/12439/public/3_David.pdf).
- Dollah, R., Sakke, N., Wan Hassan, W. S., Omar, M. A., & Jafar, A. (2018). Peranan Belia Dan Pru-14 Di Sabah: Kajian Kes Di P.188 Silam. Jurnal Kinabalu, 319. [Online] Available at: <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.1654>.
- Haiqal Moshidi, M., Syifaa, N., Fasihah, ' , Latif, A., Chai, &, & Yi, S. (2021). Youth Perceptions Towards Readiness of Youth in Kuching, Malaysia: Are They Ready To Vote? E-Proceeding 8th International Conference on Public Policy and Social Science (ICoPS) 2021, 569–574. [Online] Available at: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/55224/1/55224.pdf>.
- Halid Suzalina. (2021, September 29). Pendaftaran Automatik, 5.8 Juta Individu Diminta Semak. Berita Harian Online. [Online] Available at: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870237/pendaftaran-automatik-58-juta-individu-diminta-semak>.
- Intyaswati, D., Maryani, E., Sugiana, D., & Venus, A. (2021). Using media for voting decision among first-time voter college students in West Java, Indonesia. Academic Journal of Interdisciplinary Studies, 10(1), 327–339. [Online] Available at: <https://doi.org/10.36941/ajis-2021-0028>.

- Islami, X. A., Mulloli, A. S., & Mustafa, N. (2018). The Effect of Industrial and Internal Factors to the Firm's Performance. *Acta Universitatis Danubius*, 15(5), 154–166. [Online] Available at: <https://journals.univ-danubius.ro/index.php/oeconomica/article/view/4895/5336>.
- Ismayuddin, B. F., & Awang Besar, J. (2022). Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1–20. [Online] Available at: <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/491>.
- James Sloam, & Matt Henn. (2019). Rejuvenating Politics: Young Political Participation in a Changing World. In *Palgrave Studies in Young People and Politics*. Springer Nature. [Online] Available at: [https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-97469-9\\_2](https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-97469-9_2).
- Kaur, H., & Puyok, A. (2021). 'Political Satire and Its Influence on the Youth Political Perception.' *Trends in Undergraduate Research*, 4(2), h18-28. [Online] Available at: <https://doi.org/10.33736/tur.4096.2021>.
- Knihova Ladislava. (2014). 'Research.' [Online] Available at: <https://www.slideshare.net/kniha/research-42774060>.
- Kostelka, F., Singh, S. P., & Blais, A. (2024). 'Is compulsory voting a solution to low and declining turnout? Cross-national evidence since 1945.' *Political Science Research and Methods*, 12(1), 76–93. [Online] Available at: <https://doi.org/10.1017/psrm.2022.57>.
- Ltd, M. E. (n.d.). 'Macmillan English Dictionary for Advance Learners.' McMillan Publisher Limited.
- Mahzan, S., Nurr Sadikan, S. F., Osman, S., Md Shah, M. A. M., Jaafar, M. R., Abdul Latip, M. S., Zubir, A. M., & Shafie, S. (2023). 'UNDI18: Analisa Keperluan Literasi Politik Pengundi Muda Melayu Johor di Institusi Pengajian Tinggi Awam Pasca PRN Johor Ke-15.' *Insight Journal*, 10(2), 185–198. [Online] Available at: <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/insightjournal/article/view/23121/13286>.
- Mallow Muzaffar Syah. (2021a, March 17). 'Undi 18: Give Our Youths the Oppurtunity to Vote.' *Malaysia Gazette*. [Online] Available at: <https://malaysiagazette.com/2021/03/17/undi-18-give-our-youths-opportunity-vote/>.

- Mallow Muzaffar Syah. (2021b, November 2). 'Lecturer Welcomes Undi18, Caution Against Political Indoctrination of Children.' *Borneo Post*, 5. [Online] Available at: <https://www.pressreader.com/malaysia/the-borneo-post/20211102/281689733033694>.
- Mat Khazi, M. F. H. (2022, November 14). 'PRU15: Tsunami Pengundi Muda Tidak Akan Berlaku Besar-besaran.' *Sinar Harian Premium*. [Online] Available at: <https://www.sinarharian.com.my/article/625572/berita/nasional/pru15-tsunami-pengundi-muda-tidak-akan-berlaku-besar-besaran>.
- Mendoza, G. A., Ballar, K. J., Yap, J., & Imelda, D. (2022). 'Misinformed or Overconfident? Fake News and Youth Voting Likelihood in the Philippines.' In *SSRN Electronic Journal* (Issue June 2023).
- Mohamad Razali M, Ilham Hussin N, 'New media and political activities among Malay youth in Selangor' (2021) 7 *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 45–54 <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.1.5.2021>.
- Mohd Hed Norhafiza, Grasso Maria T, 'Age Group Differences in Political Activism In Malaysia' (2020) 23 *Journal of Youth Study* 765–779 <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/13676261.2019.1636948>.
- Mohd Nizah MA, Abu Bakar AR, 'Undi 18, Dinamika Politik Dan Keselamatan Negara: Analisa Daripada Pilihan Raya Negeri Johor 2022' (2022) 14 *Journal of Public Security and Safety* 1–14.
- N Denzin, Y Lincoln, 'Entering the Field of Qualitative Research' (1998) Sage.
- Neelapaichit K, 'Youth and Disinformation in Malaysia: Strengthening Electoral Integrity' (2022) <https://asiacentre.org/wp-content/uploads/Youth-and-Disinformation-in-Malaysia-Strengthening-Electoral-Integrity-1.pdf>.
- Othman IW, Ibrahim MA, Esa MS, 'Democratization and Mature Elections: A Study Of Youth Political Participation In Voters 18 And Automatic Voter Registration' (2022) 7 *International Journal of Law, Government and Communication* 600–622 <https://doi.org/10.35631/ijlgc.729041>.
- Qistina T, 'Undi18 youth votes should be heard, say experts' (2021) *Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia* <https://>

[www.isis.org.my/2021/08/23/undi18-youth-votes-should-be-heard-say-experts/](http://www.isis.org.my/2021/08/23/undi18-youth-votes-should-be-heard-say-experts/).

Queensland Family & Child Commission, 'Model of Participation' (n.d.) Retrieved January 5, 2023, <https://scholar.archive.org/work/kflhsyvntrenxmql2cgvijkgtm>.

Raya SP, 'Pelaksanaan Umur Kelayakan Pengundi 18 Tahun dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA)' (n.d.) Retrieved September 10, 2023, <https://www.spr.gov.my/ms/pelaksanaan-umur-kelayakan-pengundi-18-tahun-dan-pendaftaran-pemilih-secara-automatik-ppsa>.

Saahar @ Saabar S, Othman MK, Faris Anuar AD, 'Kesan Senario Politik Ke Atas Tingkah Laku dan Niat Pengundi PRN Johor 2022' (2022) 7 *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* e001479 <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1479>.

Sah Allam SN, Hassan MS, Jamri MH, Abdul Rani NS, Ab Hadi SNI, Meerangani KA, 'New Young Voters' Decision to Vote: Impact of Access, Analysis and Evaluate, Create and Act' (2022) 12 *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 4 <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i4/13080>.

Sanusi RM, 'Peratusan keluar mengundi tidak seperti diharapkan' (2022) *Sinar Harian* <https://www.sinarharian.com.my/article/193828/berita-nasional/peratusan-keluar-mengundi-tidak-seperti-diharapkan>.

Sharon Ling, 'Undi18: Kuching High Court Orders Federal Govt to Implement Lowering of Voting Age by Dec 31' (2021, September 3) *The Star Online* <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/09/03/undi18-federal-govt-ordered-to-implement-lowering-of-voting-age-by-dec-31>.

Sharon Omondi, 'Legal Voting Age by Country' (2017, September 7) *Worldatlas.Com* <https://www.worldatlas.com/articles/legal-voting-age-by-country.html>.

Shu K, Bhattacharjee A, Alatawi F, Nazer TH, Ding K, Karami M, Liu H, 'Combating disinformation in a social media age' (2020) 10 *Wiley Interdisciplinary Reviews: Data Mining and Knowledge Discovery* 6 <https://doi.org/10.1002/widm.1385>.

- Steinfeld N, 'The disinformation warfare: how users use every means possible in the political battlefield on social media' (2022) 46 *Emerald Insight* 1313–1334 <https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/OIR-05-2020-0197/full/html>.
- Sussex European Institute, 'Qualitative Methods' (n.d.) University of Sussex Retrieved May 14, 2023, <http://www.sussex.ac.uk/sei/research/europeanparliamentqualitativeresearchnetwork/qualitativemethods>.
- Takao Y, 'Japan's agenda setting to lower the voting age from 20 to 18: Prioritizing constitutional revision over democratic legitimacy' (2019) 92 *Pacific Affairs* 419–442 <https://doi.org/10.5509/2019923419>.
- Talib@Khalid KA, Shiratuddin N, Hassan S, Rahman ZSA, Rahman NLA, 'Belia dan Sosialisasi: Tingkahlaku Relatif dan Perspektif Terhadap Media Baru' (2018) 34 *Jurnal Komunikasi (Malaysia Journal of Communication)* 208–225 <https://journalarticle.ukm.my/13112/1/21493-87986-1-PB.pdf>.
- Umbers LM, 'Compulsory Voting: A Defence' (2020) 50 *British Journal of Political Science* 1307–1324 <https://doi.org/10.1017/S0007123418000303>.
- Wan Abdul Ghapar Wan Rohila Ganti, Che Mohd Razali Che Hamdan, Ahmad Muhammad Fazil, Abdul Latip Abdul Rahman, 'Pembentukan Modul Undi18@School untuk Pendidikan Kenegaraan dan Demokrasi kepada Belia 18-21 Tahun' (2021) I-Spike 2021 International Exhibition & Symposium E-Proceedings 28–32 <https://ispike2021.uitm.edu.my/>.
- Wan Omar Wan Ahmad, 'Umur 18 Tahun Wajar Dapat Hak Mengundi' (2018, July 9) *Berita Harian Online* <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/07/446925/umur-18-tahun-wajar-dapat-hak-mengundi>.
- Weiss M, 'Can Youth Save Malaysia's Democracy?' (2022) 337.
- Weiss ML, 'Undi18: Youth Vote Only Part of Story' (2022) <[www.rsis.edu.sg](http://www.rsis.edu.sg).
- Zhang K, Hutchinson FE, 'The Johor Vote-The Impact of Ethnicity, Turnout and Age on Voter Preferences' (2022) (Issue 114).